# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

TUAN HAJI MUHAMAD JUSOH

PELUKIS SENI RUPA DAN SENI HALUS kELANTAN

OLEH:


NUR ATHIRAH HUSNA BINTI MOHD FADDLI 2020846724

RABIATUL AINNUHA BINTI RIDZUAN 2020846694


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (NOVEMBER 2022 – MAC 2023)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# TUAN HAJI MUHAMAD JUSOH
# PELUKIS SENI RUPA DAN SENI HALUS kELANTAN

OLEH:


NUR ATHIRAH HUSNA BINTI MOHD FADDLI 2020846724

RABIATUL AINNUHA BINTI RIDZUAN 2020846694


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (NOVEMBER 2022 – MAC 2023)

## ABSTRAK

*Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh atau lebih dikenali sebagai Tuan Haji Mat merupakan seorang Seniman di tanah air Kelantan yang begitu dikagumi dalam bidang seni lukis. Beliau dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1952 dan mulai menunjukkan minatnya dalam bidang seni rupa di usia seawal lima tahun lagi. Seringkali ditegur oleh bapanya kerana gemar melukis potret dengan alasan potret wajah yang dilukisnya itu tidak begitu elok dari segi didikan agama, membuatkan beliau menjadikan ideologi tersebut sebagai gagasan dan pegangan hidupnya agar sentiasa berbalik kepada ajaran agama Islam. oleh kerana keazaman beliau yang tidak pernah jemu untuk mempelajari lagi tentang seni rupa dan seni halus, Beliau sehingga kini masih lagi menimba ilmu daripada beberapa pelukis ternama yang lain dengan memegang prinsip "kepandaian tidak datang bergolek, maka kita harus mencari ilmu itu sendiri, kerana mencari ilmu dan berguru itu merupakan sebahagian daripada suruhan agama Islam.". Sehingga kini, sudah lebih ratusan potret dan lukisan yang telah dihasilkan oleh beliau dan ada sebahagiannya telah pernah mendapat anugerah di peringkat kebangsaan pada tahun 2013. Tujuan temubual ini dilakukan adalah untuk bertanyakan sendiri mengenai pengalaman-pengalaman beliau dalam bidang seni rupa dan seni halus. Selain itu, temubual ini dilakukan juga adalah untuk menimba pengetahuan mengenai sumbangan-sumbangan beliau yang lain di tanah air Negeri Kelantan.*

**Kata Kunci: Pengalaman, Sumbangan, Lukisan Seni Halus**

## ABSTRACT

*Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh or better known as Tuan Haji Mat is an artist in the homeland of Kelantan who is so admired in the field of painting. He was born in Pasir Mas, Kelantan in 1952 and began to show his interest in fine arts at the age of five. He was often reprimanded by his father for liking to draw portraits on the grounds that the portraits he drew were not very good in terms of religious education, making him make that ideology his idea and guiding principle in his life to always return to the teachings of Islam. Due to his never-tiring determination to learn more about fine arts and fine arts, he is still gaining knowledge from several other famous painters by holding the principle "intelligence does not come by itself, so we must seek knowledge ourselves, because seeking knowledge and learning are part of the teachings of Islam." Until now, he has produced over hundreds of portraits and paintings and some of them have won awards at the national level in 2013. The purpose of this interview is to ask about his experiences in the field of fine arts and fine arts. In addition, this interview was also conducted to gain knowledge about his other contributions in the homeland of the State of Kelantan.*

**Keywords: Experiences, Contribution, Field of Fine Arts**

# PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Allah S.W.T kerana limpah dan kurnia-Nya yang telah melimpahkan rezeki kepada hambanya. Kita berserah dan tawakal kepada tuhan yang maha mengetahui segala-galanya. Selawat dan Junjungan kita kepada nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat.

Pertama sekali kami bersyukur kerana diberi rezeki kesihatan dan masih diberi peluang oleh Allah S.W.T tanpa henti. Kami tidak akan berjaya menyiapkan tugasan ini walau sedikitpun.

Penghargaan ini juga kami berikan kepada kedua ibu bapa kami yang turut memberi sokongan moral juga doa-doa yang dititipkan kepada kami serta banyak menyokong kami dari segenap segi rohani juga dalam bentuk kewangan dalam penghasilan tugasan bernilai ini.

Kami juga tujukan kepada Pensyarah kami, Puan Anissa kerana izin Allah, Beliau menjadi penasihat kepada projek kami serta sanggup memberikan tunjuk ajar, dan rujukan beliau kepada kami. Kami juga sentiasa diberi nasihat agar memenuhi ketepatan masa serta jangan berlengah-lengah dalam menjalankan tugasan ini. Smeoga kebaikannya kepada kami diganjari kurniaan rezeki daripada Allah S.W.T yang tidak ternilai.

Kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain yang banyak berkongsi ilmu, maklumat dalam segala bentuk bantuan yang kami harapkan, terutamanya dalam proses menyiapkan transkrip ini. Sekalung penghargaan kami berikan kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan transkrip ini termasuklah Tuan Haji Mohamad Jusoh, Penemubual kami yang banyak menyampaikan informasi yang bermanfaat kepada kami dalam penghasilan transkrip ini.

## ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| ABSTRAK | i |
| PENGHARGAAN | iii |
| ISI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI ABREVIASI | v |
| RUJUKAN KATA | vi |
| 1.0 BIODATA PENEMUBUAL | viii |
| 2.0 BIODATA TOKOH | xi |
| 3.0 SEJARAH LISAN | xiv |
| 4.0 KAJIAN LITERATUR | xvii |
| 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL | 1 |
| 5.1 Latar Belakang - Latar Belakang Peribadi | 2 |
| 5.2 Latar Belakang Peribadi - Latar Belakang Keluarga | 3 |
| 5.3 Latar Belakang Peribadi - Latar Belakang Pasangan dan Anak-Anak | 4 |
| 5.4 Sejarah Pendidikan | 6 |
| 5.5 Kerjaya Awal | 7 |
| 5.6 Kerjaya Dalam Bidang Seni | 8 |
| 5.7 Penglibatan Dalam Bidang Seni | 22 |
| 5.8 Sumbangan Dan Anugerah | 27 |
| 5.9 Harapan | 28 |
| 6.0 LOG WAWANCARA | 31 |
| 7.0 RALAT | 43 |
| 8.0 GLOSARI | 45 |
| 9.0 INDEKS | 49 |
| 10.0 BIBLIOGRAFI | 51 |
| 11.0 LAMPIRAN | 53 |
| 11.1 Diari Kajian | 54 |
| 11.2 Surat Perjanjian | 56 |
| 11.3 Senarai Soalan | 57 |
| 11.4 Gambar | 64 |

## SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| A4 | Saiz Ukuran Kertas : 210 x 297 |
| KL | Kuala Lumpur |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| PESENI | Persatuan Seni Kelantan |
| RM | Ringgit Malaysia |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| OK | Okay |
| YDP | Yang Di-Pertua |

## SENARAI SINGKATAN

THMJ: Tuan Haji Muhamad Jusoh
NAH: Nur Athirah Husna Mohd Faddli
RA: Rabiatul Ainnuha Ridzuan

## RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| Adakan | Mengadakan |
| Dah | Sudah |
| Diorang | Mereka |
| Gitulah | Begitulah |
| Iya/iyalah | Benarlah |
| Je | Sahaja |
| Jelah | Sahajalah |
| Kan | Betul |
| Kot/kut | Mungkin |
| Lah | Ya |
| Lepas | Selepas |
| Lepas tu | Selepas itu |
| Macam mana | Bagaimana |
| Mak | Emak |
| Masa tu | Ketika itu |
| Misalannya | Misalnya |
| Nak | Hendak |
| Ni | Ini |
| Okey/ok | Baiklah |
| Pun | Juga |
| Sajalah | Sahaja ya |
| Seibu | Satu ibu |
| Tak | Tidak |
| Takde | Tiada |
| Takkan | Tidak akan |
| Tak nak | Tidak hendak |

| | |
|---|---|
| Tapi | Tetapi |
| Tetap | Masih |
| Tok | Atuk |
| Tu | Itu |

# 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---|---|
| **Nama** | Nur Athirah Husna Binti Mohd Faddli |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Kuala Dungun, Terengganu |
| **Alamat** | Dungun, Terengganu |
| **Nombor Telefon** | |
| **E-mel** | |
| **Program** | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |

### 1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---|---|
| **Nama** | Rabiatul Ainnuha Binti Ridzuan |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman |
| **Alamat**<br><br>**Nombor Telefon** | Dungun, Terengganu Darul Iman |
| **E-Mel** | |
| **Program** | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |

# 2.0 BIODATA TOKOH

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



**Nama:**
Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh

**Alamat Rumah:**

**Facebook:**
Muhamad Jusoh
Email:

**Tarikh dan Tempat Lahir:**
Pasir Mas, Kelantan

**Pengalaman Kerja:**

| | |
|---|---|
| 1971 - 2010 | Anggota Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia |

**Pengalaman NGO:**
Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI)

| | |
|---|---|
| 1985-1990 | Setiausaha |
| 1991-1992 | Bendahari |
| 1993-1996 | Naib Yang Dipertua |
| 1997-2016 | Yang Dipertua |

## 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Tuan Haji Muhamad Jusoh dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1952 dan mula menunjukkan minat dalam seni rupa semenjak kecil lagi. Sering ditegur bapanya gemar melukis potret dengan alasan “nanti potret itu minta nyawa”. Muhamad Jusoh merupakan seniman yang belajar sendiri (self taught) dan sempat menuntut ilmu seni secara formal dari beberapa guru di awal keseriusan keseniannya. Mantan Presiden PESENI ini aktif berpersatuan dan telah mengadakan banyak pameran secara berkumpulan. Aktiviti-aktiviti keseniannya banyak dipengaruhi oleh aktivti-aktiviti wajib bagi kumpulan-kumpulan atau persatuan seni. Pada tahun 1985 merupakan titik tolak di mana perubahan dalam keseniannya. Beliau menghadiri bengkel lukisan batik anjuran seniman batik Kelantan, Yusoff Abdullah dan mula berguru dengan seniman cat air Mokhtar Ishak. Demi menambah ilmu dalam seni, beliau sentiasa mencari guru-guru seniman kontemporari dengan menjamah seni-seni barat yang lain seperti cat minyak sehingga kolaj. Beliau seorang yang tidak kekok untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan sentiasa berkeinginan untuk mengetahui.

# 3.0 SEJARAH LISAN

## 3.1 PENGENALAN

Kajian mengenai sejarah tokoh artis veteran ini dijalankan adalah untuk mengkaji mengenai latar belakang seniman tanah air Malaysia yang berkarya sebagai seorang Pelukis seni rupa dan seni halus handalan di Negeri Kelantan yang berjaya mengharumkan nama tanah air sebagai penggiat seni yang begitu profesional. Kajian mengenai artis veteran ini adalah sebagai sumber pengetahuan kepada generasi yang mendatang tentang jasa serta sumbangan Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh sebagai penggiat seni lukis (seni rupa dan seni halus) sepanjang beliau bergiat aktif dalam gelanggang seni ini.

## 3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian pada kali ini bakal memfokuskan mengenai seorang artisan seni lukis yang namanya begitu meniti di bibir para pencinta seni iaitu Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh yang merupakan seorang pelukis veteran yang terkenal di Negeri Kelantan. Kajian ini bakal menfokuskan mengenai sumbangan dan penglibatan beliau dalam penggiat seni lukis Kelantan semenjak beliau menceburkan diri pada tahun 80-an hingga sekarang.

## 3.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang bakal dikaji pada kali ini adalah mengenai seniman agung tanah air di Malaysia yang semakin dilupakan oleh lapisan generasi muda yang sudah hilang minat dengan karya-karya yang dihasilkan oleh seniman generasi terdahulu. Seperti kita sedia maklum, karya-karya agung yang dihasilkan oleh warga seniman veteran merupakan sebuah seni yang mementingkan ciri-ciri kemelayuan dengan tatasusila yang tinggi. Namun ianya terhakis dek kepesatan budaya barat yang singgah lalu bersarang dalam diri anak-anak muda pada zaman kini sehingga mereka terlupa dengan tampuk asal asuhan Melayu yang penuh kesopanan.

## 3.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji mengenai latar belakang artis veteran iaitu Tuan Haji Muhamad Jusoh yang dipilih sebagai artis veteran pilihan kajian.
2. Melakukan analisis mengenai sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang seni lukis serta sumbangan beliau kepada masyarakat di negeri Kelantan.

## 3.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Siapakah pelukis veteran Kelantan yang bernama Tuan Haji Muhamad jusoh?
2. Apa sumbangan-sumbangan yang telah dihasilkan oleh beliau sepanjang beliau berkarya sebagai penggiat seni tanah air sebagai pelukis seni rupa dan seni halus?

## 3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenal tentang seorang pelukis veteran tanah air Kelantan iaitu Tuan Haji Muhamad Jusoh yang merupakan seorang pelakon veteran tanah air yang telah berkecimpung dalam dunia seni semenjak tahun 90-an lagi. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk memberi sedikit perkongsian mengenai sumbangan beliau yang telah memberi sumbangan dari segi kebudayaan Kelantan dalam seni lukis. Kajian ini diyakini dapat memberi manfaat kepada masyarakat agar seniman-seniman veteran yang telah banyak membawa nama Malaysia ke persada dunia tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang.

# 4.0 KAJIAN LITERATUR

## 4.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian umum tentang konsep seni lukisan sememangnya telah banyak dibuat oleh para penulis dan pemerhatian moden, sama ada berupa disertasi, buku, mahupun kertas kerja. Sebagai contoh ada yang mengkaji dari sudut pengertian atau maksud seni budaya atau lukisan itu sendiri, fungsi seni lukis dan perkembangan seni lukis Melayu di Malaysia.. Kajian-kajian lepas berikut adalah seperti di bawah:

1. Maksud Seni Lukisan

Secara umum, seni lukis adalah seni melukis dan menggambar. Umumnya, seorang seniman yang membuat lukisan akan mengungkapkan idea dan perasaannya melalui lukisannya di atas permukaan kanvas. Melalui kekreatifannya, seorang seniman tidak sembarangan menyampaikan sesuatu lukisan itu, akan ada sebuah filosofi dalam lukisan yang mereka lakukan. Lukisan juga boleh dianggap sebagai seni yang indah dan dilukis oleh seorang artis. Seni Lukis adalah cabang seni rupa yang diwujudkan melalui karya antara dua dimensi dengan menggunakan kanvas atau permukaan datar yang lain seperti permukaan dinding, kain, dan sebagainya.

Media lukisan biasanya diisi dengan elemen utama garisan dan warna hasil daripada bermain cat atau celup dan hiasan imej yang lain. Hasil lukisan boleh mengandungi unsur-unsur yang berkaitan dengan alam semula jadi, seperti potret manusia, haiwan, tumbuhan, dan juga landskap semula jadi. Selain itu, lukisan juga boleh menggambarkan imej abstrak yang merupakan gambaran semula bentuk semula jadi. Jadi, boleh dikatakan lukisan ini merupakan representasi pelukis untuk meluahkan emosi dan jiwanya. Lukisan bukan sahaja karya seni yang mempunyai nilai estetika. Lukisan itu sendiri mempunyai beberapa fungsi untuk masyarakat. Ini boleh dikenali sebagai fungsi keagamaan, fungsi komersial, dan fungsi simbolik.

Pada asasnya lukisan juga adalah pembangunan lukisan. Walau bagaimanapun, lukisan mempunyai corak atau gaya yang lebih rumit. Lukisan menggunakan bahan dan teknik yang menjadikannya lebih pelbagai daripada lukisan secara umum, kerana lukisan jenis ini memerlukan alat yang bermula dari yang mudah kepada yang canggih, untuk memanaskannya. Oleh sebab itu, dalam proses pembuatan karya seni, seorang seniman memerlukan idea-idea yang kreatif. Hal itulah yang membuat karya seni boleh dibeli dan dijual dengan harga yang

tinggi dan mempunyai nilainya yang tersendiri. Harga sebuah lukisan biasanya dilihat berdasarkan nilai jualan dan kualiti lukisan tersebut, bahkan hingga sampai ke negara luar dengan menggunakan cara lelongan secara besar-besaran.

1. Fungsi Seni Lukis

Secara umumnya lukisan ini mempunyai 2 fungsi iaitu fungsi sosial dan fungsi individu.

- Fungsi Sosial

Fungsi sosial sesebuah lukisan dapat dilihat sekiranya ia dapat memberi manfaat kepada ramai orang. Karya seni boleh mempunyai fungsi sosial, dengan syarat seorang seniman mesti berjaya menunjukkan nilai sosial atau sekurang-kurangnya diterima oleh masyarakat. Dalam fungsi sosial lukisan ini, terdapat 4 sektor di mana setiap sektor itu berkaitan dengan hubungan sosial atau lebih tepat lagi berkaitan dengan orang lain dan masyarakat.

Bagi sektor yang pertama, dalam bidang pendidikan, lukisan merupakan medium pembelajaran kanak-kanak prasekolah dari peringkat prasekolah hingga ke tadika. Tujuan pengajaran seni kepada kanak-kanak adalah untuk menjana kreativiti dalam mengembangkan idea. Dalam pelajaran melukis di PAUD, kanak-kanak diharap dapat belajar mengukuhkan ingatan tentang warna dan bentuk. Bukan itu sahaja, lukisan dalam pendidikan juga diteruskan ke pendidikan yang seterusnya. Contohnya, di Sekolah Rendah, pelajar akan diajar melukis tentang alam semula jadi seperti pantai, laut, gunung, dan pelbagai lagi.

Selain itu, bagi sektor yang kedua, dalam bidang agama. Sebagai sebuah karya seni yang bersumberkan idea dan ekspresi manusia, lukisan boleh menjadi medium untuk menyatakan cinta kepada Tuhan. Lukisan juga mempunyai fungsi sosial dalam agama untuk menggambarkan kebesaran Tuhan. Contohnya, Islam mengiktiraf seni khat. Kaligrafi biasanya digunakan untuk memperindah rupa tempat ibadat dengan menggunakan kalimah Allah. Bukan itu sahaja, dalam agama Hindu banyak lukisan dewa dilukis untuk tujuan mendoakan dan mendoakan orang yang telah meninggal dunia. Dalam Islam, lukisan boleh berbentuk tulisan Arab yang ditulis dengan penuh nilai seni. Lukisan ini dikenali sebagai kaligrafi.

Sektor yang ketiga ialah hiburan. Selain mempunyai nilai pendidikan dan keagamaan, pada asasnya seni lukis diterima oleh masyarakat kerana ia mempunyai fungsi sosial sebagai penghibur. Dalam aspek hiburan pula, sesebuah karya seni dapat memberi gambaran yang menarik dan memberi kesan positif kepada kebahagiaan manusia. Lukisan biasanya akan digunakan sebagai hiasan atau ilustrasi dalam sesuatu acara. sektor yang terakhir ialah kejelasan isi kandungan di dalam lukisan itu sendiri. Lukisan yang memenuhi aspek kejelasan kandungan bermakna ia mampu memberi kesan atau fungsi sosial. Kejelasan kandungan seni digunakan sebagai medium komunikasi. Oleh itu, keupayaan untuk menerangkan kandungan adalah kelebihan tersendiri dalam lukisan.

- Fungsi Individu

Lukisan yang dihasilkan daripada idea, ekspresi, dan perasaan akan mengandungi keperluan fizikal dan rohani pelukis itu sendiri. Lukisan daripada pelukis boleh dikenali oleh orang lain atau penikmat seni dengan jumlah Ringgit Malaysia (RM) yang tertentu. Jika dibandingkan dengan peminat seni di Itali, Perancis, Amerika dan negara maju lain, penghayatan seni di Malaysia tidaklah seberapa bagi seorang artis. Namun, itu bukan halangan untuk berkarya, dalam era digital hari ini, lukisan boleh diterbitkan di seluruh pelusuk dunia. Selain ganjaran fizikal, lukisan dapat memenuhi keperluan rohani pelukis. Ini bermakna, dari awal proses pembikinan lukisan hingga ke penghujungnya, seorang pelukis boleh meluahkan segala isi hati dan perasaan, sama ada gembira, sedih mahupun terluka. Seni lukis mempunyai ciri-ciri tersendiri, di mana perasaan artis akan mudah dilihat dalam karyanya.

1. Perkembangan Seni Lukis Melayu di Malaysia

Sekitar tahun-tahun 1930-an hingga 1940-an tidak ramai pelukis-pelukis Melayu Malaya yang menonjolkan dalam perkembangan seni lukis Malaya. Seorang pelukis yang aktif ketika itu ialah Abdullah Ariff seorang guru di Sekolah Penang Free School. Catan beliau banyak terpengaruh dengan catan Eropah iaitu catan gaya Impresionisme. Pada masa itu melukis dianggap oleh masyarakat melayu yang kuat berpegang pada agama menganggap sebagai berdosa. Pelukis-pelukis Melayu yang terlibat dengan melukis adalah datang dari golongan berpendidikan sekolah Inggeris, kerana pada masa itu kurikulum sekolah mempelajari seni lukis dan kraf.

Pelukis-pelukis Melayu mula bersatu di bawah Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor. Kebanyakan gaya catan yang dihasilkan adalah pemandangan kampung. Keterampilan gaya melukis kumpulan ini jauh rendah dari kumpulan-kumpulan pelukis Cina. Kebanyakan pelukis-pelukis Melayu adalah dikalangan guru-guru lepasan SITC ('Sultan Idris Training College' atau Maktab Perguruan Sultan Idris). Pengalaman dan pengetahuan mereka adalah di Maktab Perguruan melalui kurikulum lukisan dan kraf. Di situlah mula mereka gunakan untuk menghasilkan karya catan.

Perkembangan awal telah memberi pengalaman baru terhadap guru-guru Melayu dalam seni lukis iaitu pada tahun 1955 beberapa orang guru telah melawat Indonesia untuk melihat perkembangan seni lukis. Di Indonesia mereka telah dibawa ke Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI) di Jogjakarta. Semangat melukis semakin kuat apabila kumpulan guru ini diberi pendedahan kehebatan karya-karya catan di Indonesia. Mereka juga diberi dorongan kuat oleh pelukis dan pengajar seni lukis ASRI pada ketika itu bapak Saptohudoyo. Menurut Cikgu Idris salam yang hadir bersama rombongan itu, mereka didedahkan dengan pelbagai kegiatan seni lukis dan pelukis Saptohudoyo memberi semangat dengan perangsang kepada mereka.

Semangat pelukis-pelukis Melayu masih tidak kesampaian, kerana tidak ada pemimpin yang menonjol di kalangan mereka. sekitar tahun 1956 kumpulan penggiat kebudayaan Melayu telah menubuhkan persatuan kesenian dengan menggabungkan semua jenis kesenian iaitu seni lukis, Drama (teater), tarian, muzik dan persuratan. Persatuan tersebut dinamakan Majlis Kesenian Melayu (MKM) ditubuhkan di dewan UMNO Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Keahlian kumpulan ini sekitar 30 orang. Cikgu Idris salam selaku ketua kumpulan pelukis golongan guru telah memujuk Mohammad Hoessein Enas seorang pelukis yang datang dari Indonesia menjadi pengerusi MKM. Mohammad Hoessein Enas merupakan seorang pelukis yang datang dari Indonesia sekitar tahun 1946 dan telah diterima oleh golongan pelukis-pelukis Melayu sebagai mahaguru lukisan.

Majlis Kesenian Melayu di bawah Mohammad Hoessein Enas banyak mengadakan latihan-latihan melukis. Pengaruh kuat Huessein Enas dalam pertubuhan ini menyebabkan ramai ahli tertumpu pada bidang melukis dan mencatan potret berbanding bidang-bidang seni lain. Setahun kemudian terhasil sebuah pameran lukisan yang dinamakan 'Pameran Seni Lukis 1' bertempat di dewan British Council Kuala Lumpur. Pameran ini dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri pertama Tun Abdul Razak. Pameran berlangsung seminggu dan mendapat sambutan hangat di kalangan peminat seni lukis di sekitar Kuala Lumpur. Bertolak dari itu maka kumpulan pelukis Melayu mula menunjukkan identiti dengan catan di bawah pengaruh kuat Mohammad Hoessein Enas. Kebanyakan gaya catan yang dipamerkan adalah realisme dan naturalisme.

Pengaruh kuat gaya catan Mohamed Hoessein Enas membawa era baru pelukis-pelukis Melayu Malaya pada ketika itu. Mohammad Hoessein Enas telah membuang tanggapan negatif di kalangan pelukis Melayu yang tidak membenarkan lukis potrait dan figuratif. Kelas-kelas seni lukis yang dibawah Mohammad Hoessein Enas semakin diminati. Dari temu ramah penulis dengan beliau, pada hari Sabtu seramai 20 lebih orang yang datang belajar melukis dengannya termasuk dari Singapura dan beberapa buah negeri lain.
Majlis Kesenian Melayu tidak lama bertahan kerana kegiatan banyak tertumpu pada aktiviti seni lukis yang dibawa oleh pengerusi iaitu Mohammad Hoessein Enas. Lantaran itu Mohammad Hoessein Enas dengan beberapa Jawatankuasa telah berbincang untuk keluar dari MKM dan menubuhkan sebuah pertubuhan Seni Lukis.

Pada tanggal 15 April 1958 tertubuhlah Angkatan Pelukis Semenanjung (APS) dengan motto " Seni dan Masyarakat". Dengan tertubuhnya Angkatan Pelukis Semenanjung maka kegiatan melukis semakin rancak di bawah kelolaan Mohammad Hoessein Enas.
Kegiatan seni lukis giat dijalankan bertempat di Dewan Persatuan Guru-Guru Selangor di Jalan Raja Muda Kuala Lumpur. Antara pelajaran yang diajar di APS ialah catan Potret dan sketsa. Apabila pelajar semakin bertambah maka kelas-kelas seni halus lain dibuka, antaranya Kelas Melukis Potret dikelolakan oleh Mohammad Hoessein Enas, Kelas Arca dikelolakan oleh Cikgu Idris Salam, Kelas Grafik dikelolakan oleh Zakarian M. Noor dan Kelas Seni Reka dalaman dikelolakan oleh Cik Habibah Baharuddin.

# 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pelukis veteran tanah air Kelantan. Bersama-sama kami ialah Tuan Haji Muhamad Jusoh atau lebih dikenali sebagai Tuan Haji Mat yang merupakan seorang pelukis dalam bidang seni rupa dan seni halus di Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 Februari, 2023 bersamaan dengan hari Rabu, pada jam 12.54 tengahari secara bersemuka di Kampung Kelar, Pasir Mas, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Rabiatul Ainnuha Ridzuan dan Nur Athirah Husna Mohd Faddli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### 5.1 Latar Belakang - Latar Belakang Peribadi

**RA:** **Jadi kita *start* (mulakan) dengan soalan pertama. Soalan pertama kami ialah pasal latar belakang peribadi. Jadi bolehkah Tuan Haji menceritakan mengenai latar belakang Tuan Haji? Contohnya macam nama penuh, nama panggilan, latar belakang, tarikh lahir, status, dan sebagainya.**

THMJ: Baik, jadi nama sebenar saya ialah Muhamad Bin jusoh. Alamat saya di sini ialah 640 Kampung Kelar, Pasir Mas, Kelantan. Berbalik pada soalan tadi, umur saya berusia 71 tahun, berkeluarga, mempunyai empat orang anak lah.

**RA:** **Jadi, Tuan Haji masih ingat lagi kah, bila Tuan Haji dilahirkan?**

THMJ: Saya? Saya, [lahir pada] 21 haribulan Oktober tahun 1952.

**RA:** **Jadi, adakah hobi yang diminati oleh Tuan Haji, selain daripada melukis?**

THMJ: Masa muda-muda dulu, hobi saya main bola-lah. *Haa*, saya memang suka sangat-sangat. Lepas pada itu, di samping itu, melukis adalah hobi saya, daripada minat saya daripada kanak-kanak lagi. Sehingga sekarang pun, masih lagi duduk suka melukis lah. Lukisan saya yang terbaru di luar sana adalah lukisan pisang banyak guna bahan lah, guna *media oil*.

**RA:** **Apakah cita-cita Tuan Haji sewaktu kecil selain daripada bidang ini?**

THMJ: Tidak ada cita-cita, *err*.. (berdehem) Berkaitan dengan seni lukis tu, cuma saya suka, saja saya tengok *err*, pemandangan yang orang lain lukis, saya suka. Saya cuba buat sendiri, saya nak cuba jayakan, *err*, apa yang saya hasratkan. Sekurang-kurangnya kalau orang lain lukis pemandangan, saya nak sekurang-kurangnya saya ni boleh lukis pemandangan. Itu sajalah, tidaklah ada niat untuk menjual ke apa, tak ada. Sekadar apa yang saya nak buat tu, saya boleh jayakan. Kalau saya nak lukis pemandangan, jadi pemandangan. Kalau lukis potret, langsung jadi. *Haa,* itu sajalah.

## 5.2 Latar Belakang Peribadi - Latar Belakang Keluarga

**RA:** **Kita beralih kepada latar belakang keluarga,**

**NAH:** **Jadi kalau tak keberatan, boleh kami tahu, apakah nama ibu bapa Tuan Haji?**

THMJ: Ibu saya bernama Zainab Binti Daud. Bapak saya nama Jusoh Bin Salleh. Mereka ni telah pun meninggal lah. Mereka tinggal di Tanah Merah, di Kampung Sat dan saya pun dibesarkan di sana lah, bukan di Kampung Kelar. Kampung Kelar ni adalah kampung tempat tok saya, *Tok* (atuk) saya berasal daripada sini, dan mak saya pun berasal daripada sini, dan emm, tempat saya yang tinggal ni pun, hasil pemberian daripada tok sayalah. Apa ni, pindahkan nama kepada saya lah. jadi saya pun menetap di sinilah.

**NAH:** **Ibu bapa Tuan Haji bekerja sebagai apa?**

THMJ: Bapa saya, Petani. Mereka adalah Petani. Jadi, saya ni anak tani lah (Ketawa) itu yang saya suka pemandangan tu. Saya ni anak tani lah. Banyak bantu keluarga lah. Turun ke bendang ke apa ke.

**RA:** **Oh, Pesawah lah?**

THMJ: Iya, Pesawah. Pakcik ni banyak pergi ke bendang lah bantu mereka.

**NAH:** **Berapakah bilangan Adik beradik Tuan Haji?**

THMJ: Adik beradik, lima orang lah. Tapi yang seibu dengan saya tak ada lah, saya seorang je. Haaa, jadi yang empat orang lagi tu, mak lain. Apa ni, Bapak (bapa) saya tu kahwin dengan mak saya tu, setelah ibu kepada abang-abang saya tu dah tak ada lah.

**NAH:** **Adakah adik-beradik Tuan haji yang turut terlibat dalam bidang yang sama dengan Tuan Haji?**

THMJ: Adik beradik, *err,* mereka terlibat dalam bidang *profesion* (bidang/tugasan) yang lain lah. Mereka tidak melukis. Tapi ada juga yang minat kepada seni, tu, ada jugalah.

**5.3 Latar Belakang Peribadi - Latar Belakang Pasangan dan Anak-Anak**

**RA:** **Tahun bilakah Tuan Haji Berkeluarga?**

THMJ: Masa tu, saya umur 22 (tahun). Saya berkeluarga, 22 (tahun) lah. Masa tu saya bekerja sebagai Pembantu Perubatanlah. Saya tinggal di Hulu Kelantan masa tu, jadi saya mulakan rumah tangga pada masa tu.

**RA:** **Jadi bolehkah saya tahu, siapa nama isteri Tuan Haji?**

THMJ: Isteri saya nama Norsiah Binti Mat Yusof.

**RA:** **Berapakah usia isteri Tuan Haji?**

THMJ: Usianya, sekarang ni 71 (tahun). Eh, 72 tahun.

**RA:** **Apakah Kerjaya Isteri Tuan Haji?**

THMJ: Dia, - - Jururawat.

**RA:** **Dari segi anak tu, berapa bilangan anak Tuan Haji?**

THMJ: Ada empat orang lah.

**RA:** **Kalau umur anak-anak Tuan Haji, Adakah Tuan Haji ingat?**

THMJ: Kalau umur tu, saya tak ingat.

**RA:** **Ohhh, Tak ingatlah. Baik, dari segi kerjaya tu, macam mana?**

THMJ: Dari segi kerjaya tu, yang sulung tu, sekarang dia jadi… sebagai Profesor Madya di Kolej MARA *hmmm*. - - (berfikir) di KL [Kuala Lumpur] apa nama tempat nak sebut tu, saya tak ingat dah (ketawa).

**RA:** **Ohh, sebagai Profesor Madya di KL [Kuala Lumpur] lah.**

THMJ: *Haa haa*, betul. Sebagai Profesor Madya. Kalau anak kedua tu, Guru, di Bukit Mertajam. Kalau yang ketiga tu, *err*,, dia lebih kepada kejuruteraan lah. Kalau yang keempat tu Doktor, di Ireland [Negara Ireland].

**RA:** **Jadi kalau kami boleh tahu lah, adakah anak- anak Tuan Haji yang turut meminati bidang yang Tuan Haji ceburi sekarang?**

THMJ: Mereka, ada kebolehan sebenarnya. Tapi oleh kerana mereka ada profesion tersendiri, jadi mereka kurang sikit lah. Macam yang Cikgu tu ada bakat. Yang Profesor Madya itu pun, ada bakat jugalah. Yang dua orang lagi tu, saya tak pernah tengok (Ketawa) saya tak pernah tengok hasil seninya.

**RA:** **Dari segi pembahagian masa tu, bagaimana Tuan Haji bahagikan masa untuk bersama keluarga dan Kerjaya?**

THMJ: *Haaa*,, masa saya (berdehem)..Bukan sekarang lah, kita cerita masa dulu-dulu lah. Sekarang ni sebab mereka dah bekerja jadi tak ada masalah lah kan sebab dah *takde* (tiada) kaitan pun dengan mereka. Jadi yang, - - Yang jadi, - - Yang mungkin saya kena bahagi masa tu mungkin semasa *err*, - - anak-anak masih bersama saya lah kan. Jadi, saya bekerja sebagai Pembantu Perubatan. Jadi, saya bekerja di Hospital, saya nak aktiviti untuk melukis. Jadi, aktiviti untuk melukis ni, saya bertumpu kepada, hari minggu lah. *Aaaa*.. jadi kalau lah kita, biasanya bila saya berada di dalam Persatuan, jadi kita anjurkan aktiviti tu pada hari minggu. *Haa*, hari Jumaat ke atau hari Sabtu. Jadi kami, akan berada disana dan juga ahli-ahli Persatuan, pada hari Sabtu atau hari minggu itu, kita pergi ke tempat untuk melukis, di, luar sana

umpamanya biasanya saya pergi ke, tepi- tepi pantai, di kuala-kuala sungai pergi lukis pemandangan dekat sana. Jadi kita rancang, kemudian, hasil daripada situ, kita buat pameran dan sebagainya. Jadi dengan keluarga tu, maknanya, oleh kerana saya tu pergi melukis pada hari minggu, jadi anak- anak pun, ada di rumah lah. Pelajarannya tidak terganggu. Jadi hari-hari sekolah tu, kami bawanya ke sekolah, pakaian sekolahnya semua kita uruslah. Jadi aktiviti seni tu, tidak, tidak mengganggu lah pelajarannya pada hari minggu.

**5.4 Sejarah Pendidikan**

**RA:** **Kita beralih kepada soalan Sejarah Pendidikan Tuan Haji.Saya serahkan kepada kawan saya untuk bertanya soalan.**

**NAH:** **Boleh kami tahu tahun bila Tuan Haji memulakan persekolahan sekolah rendah?**

THMJ: Sekolah rendah tahun 1957. *Ehh,* tahun 1959. sebab saya lahir pada tahun 1952. Sekolah rendah darjah satu. jadi masa tu saya umur tujuh tahun lah. Lepas tu saya tamat darjah enam. Lepas darjah enam, saya pergi ke sekolah menengah. Lepas sekolah menengah, sampai tingkatan lima. Kemudian, dapatlah pangkat dua [sistem pemarkahan SPM yang lama], saya tak boleh nak sambung pelajaranlah. Nanti kita kena ambil balik (peperiksaan itu). Lepas setahun tu, saya dapat mohon untuk menyertai kursus Pembantu Perubatan, kemudian saya berjaya lah pergi buat latihan pembantu perubatan. Kemudian setelah saya berada dalam jawatan tu, kemudian saya ambil sijil tinggi pelajaran pulak. Dalam sijil tinggi pelajaran tu, saya masukkan, apa ni, seni lukis ya, sebagai salah satu daripadanya. Kemudian saya dapat *principle* (Prinsip/Pangkat) jugak lah dalam bidang, kemudian saya bercadang jugaklah untuk minta untuk melanjutkan pelajaran daripada pihak Universiti dalam bidang seni ni. Tapi pada masa tu, kalau saya nak belajar, kita orang kena terpaksa kena cuti tanpa gaji. Tidak macam sekarang ni lah. Sekarang ni tak jadi masalah lah nak sambung belajar. Kalau dulu kena cuti tanpa gaji. Jadi saya bincang, batalkanlah. Jadi mana-mana pun aktiviti seni tu saya dapatkan ilmu melalui, err, melalui bengkel. Sebab saya selaku Yang Di-Pertua Persatuan Seni Lukis pada masa tu, jadi kami jawatankuasa buat keputusan, buat pameran, buat

aktiviti, adakan bengkel-bengkel, kita jemputlah, mereka-mereka yang berpengetahuan dalam bidang ini, untuk berikan ceramah, untuk dapatkan, emm, kelebihan ilmu dalam bidang seni. Begitulah cara saya dapat maklumat. Kemudian saya dapatkan maklumat, *err*, hal seni ni daripada rakan-rakan pelukis lah. Ada yang senior-senior ye. Mereka ni terdiri daripada guru-guru seni lukis. Haa, jadi saya pun tumpang belajar daripada mereka lah, mengenali, err, media-media seperti cat air, mengenali media batik, err, kita ada ahli yang berkemahiran dalam kemahiran buat batik. Jadi belajar daripada mereka. Lepas tu ada yang berkemahiran dalam bidang, apa ni, media acrylic. Ada yang mahir dalam bidang cat minyak. Jadi saya belajar melalui kawan-kawan. Jadi dengan kata lain, saya ni belajar sendiri lah, self-taught lah. Bukan, bukan ada pendidikan tinggi dalam bidang seni, bukan degree lah dalam bidang seni halus ni. Haa, tidak.

## 5.5 KERJAYA AWAL

NAH: **Tadi Tuan Haji ada cakap yang pekerjaan pertama Tuan Haji adalah sebagai seorang Pembantu perubatan. Berapa lama Tuan Haji bekerja sebagai Pembantu Perubatan dan bila Tuan Haji start berkecimpung dalam bidang seni ni?**

THMJ: Saya mula, apa ni, (bekerja) Pembantu Perubatan tu, tahun 1971. Kemudian, semasa latihan saya di Seremban lah, saya tidak terlibat dalam seni lukis lah. Tapi saya suka mengambil gambar. Sebab kamera saya yang ambil gambar ni, saya ambil gambar kawan-kawan. Haa, gitulah. Lepas pada tu, bila saya dah, selepas latihan, saya ditukarkan di klinik kesihatan Manik Urai, saya tak ada kawan-kawan nak melukis, tapi, ada lah rasa nak melukis tu. Sebab datang daripada kecik minat tu. Masa tu, saya main bola jelah sebab memang hobi saya main bola. Selepas tu, saya buat melukis di pejabat saya lah. Maksudnya, saya lukis gambar tengkorak, saya panjangkan dekat meja saya bekerja tu. Haa gitu lah, yang ada kaitan dengan tugas saya lah, sebagai Pembantu Perubatan. Err, bila saya berpindah di Kota Bharu, barulah saya berjumpa dengan kawan-kawan (bunyi bersin) saya lah, masa tu saya join persatuan. Saya *join* (menyertai) persatuan masa tu, iyalah - masa saya bertugas, tahun 1984. Dan saya diberi tugas sebagai setiausaha sebab masa tu

persatuan tak ada setiausaha. Jadi dari situlah saya semakin rapat lah dengan jawatankuasa, pelukis-pelukis yang ada dekat situ lah. Lepas tu, saya masih kerja lagi dan terus melukis sambil jalankan tugas dalam kegiatan persatuan, buat kerja-kerja sendiri. Melalui persatuan itulah, telah mendorong saya untuk melukis dan mempamer, menjual, ada yang jual tadi, jual tu tak banyak, lukis je banyak, tapi suka je lah. Jadi kalau habis kerja tu, tahun 2010 saya pencen. Jadi saya masih melukis, dari sebelum saya kerja, saya bekerja, sampai saya pencen tu, saya masih lagi melukis lah. Saya melukis dari dalam kerja sehingga sekarang lah.

## 5.6 KERJAYA DALAM BIDANG SENI

RA: **Untuk kerjaya dalam bidang seni, saya nak tanya, kenapa Tuan Haji minat dalam lukisan seni ini? Sebabnya kalau ikutkan, lari bidang jugaklah daripada kerja Pembantu Jururawat kepada bidang seni lukis ini.**

THMJ: Antara bidang dengan lukisan tu memang jauhlah. Kalau Pembantu Perubatan ni, dia memberi perkhidmatan kepada orang sakit. Dalam bidang lukisan tu, jadi pakcik minat dalam bidang seni lukis ni kerana merupakan salah satu cabang untuk mendapat dalam pendapatan sampingan. Suka tu suka juga, tapi kalau ada rezeki maknanya, karya-karya tu boleh dijual untuk sumber pendapatan. Tapi sebenarnya, banyak yang habis juga, sebabnya kita kena beli *colour* (warna), *canvas* (Kanvas), kena beli cat, kena beli *frame* (bingkai). Tapi walau bagaimanapun, cita-cita dan hasrat untuk nak jual karya, untuk nak dapatkan pendapatan sampingan tu, tetap ada lah sampai ke hari ni. Jadi karya ni, untuk mendapat pendapatan sampingan sebenarnya.

RA: **Bidang seni lukis ni, ada keistimewaan ke bagi Tuan Haji? Apakah keistimewaannya?**

NAH: Maksudnya, ada sesuatu motivasi sebagai kunci kepada Tuan Haji untuk menceburi bidang seni ni (Iya, begitu).

THMJ: Kalau tengok pada pencapaian orang lain tu kan, orang lain tu memang mereka-mereka berjaya dalam bidang seni tu, dapat jual lukisan dengan lebih mahal, satu

je benda - apa orang kata, pembakar semangat, walaupun lukisan pakcik tak mahal, tapi cita-citanya macam tu lah. Jadi sekurang-kurangnya kita nak hasilkan sesuatu karya yang mana boleh dijual. Dan kalau boleh, kalau boleh nak dijual mahal lah. Sebab kita target pada kewangan jugaklah. Walaupun pencen kita tu OK [*okay*] dah, saya pun pencen, isteri pun pencen, ada pendapatan. Tapi masih lagi kalau boleh nak jual lukisan mahal lah (ketawa). Sebabnya dari segi nama, tapi biasanya kalau lukisan tu dijual, nama kita akan dikenali lah. Tapi tidaklah mengharapkan yang tu kan. Kita fokus kepada lukisan yang boleh dijual. Sebab kan mendatangkan pendapatan.

**RA:** **Jadi, selain kepakaran dalam bidang lukisan ni, apa lagi kemahiran, ataupun pekerjaan lain yang Tuan Haji Lakukan?**

THMJ: Dari segi pekerjaan tu tidaklah. Tapi kalau saya jadi ahli jawatankuasa di Masjid, begitulah. yang lain tu, pandai melukis. saya membantu masjid untuk mengajar Iqra' untuk, - bukan untuk budak-budak, tetapi untuk golongan dewasa yang masih belum dapat mengaji Al-qur'an ye. Haa, menaikkan semangat mereka untuk mengaji. setakat ni sumbangan tu, secara sukarela ye.

**RA:** **Bagaimanakah Tuan Haji memotivasikan diri untuk meneruskan diri untuk menceburi dalam bidang seni lukis ini?**

THMJ: sekarang ni, kawan-kawan diwujudkan dalam *group* (Kumpulan), apa tu, PESENI [Persatuan Seni Kelantan] ni wujudkan *group-group* (Kumpulan). Selain daripada berpersatuan, ada grup-grup kecik lagi. ni dia orang ada ajak untuk pergi ke, - ke Jeram Mengaji, melukis. Haa ada ajak nak pergi ke Jeram Mengaji untuk melukis pulak. Jadi Pakcik nak pergi lah, 2 haribulan [2 Februari 2023] ni. Jadi, ini adalah salah-satu rangsangan-rangsangan yang mana mendorong Pakcik untuk meneruskan bidang dalam lukisan seni ni. Disini kut, saya ada jugak sekali-sekala anjur untuk pergi melukis, *outdoor* (luar), dekat luar ni eh. Dekat mana yang ada pemandanganlah di kawasan-kawasan sini.

**RA:** **Tadi yang Tuan Haji ada *mention* (menyatakan) tempat *outdoor* (luar) yang Tuan Haji pergi untuk melukis kan. Jadi, biasanya tempat-tempat tu di mana?**

THMJ: Pernah pergi, di tempat air terjun di Pasir Puteh (Kelantan), di, di Jeram Pasu. Eh, bukan. Jeram Linang. Kemudian di Kuala Besar, kemudian di Pantai Baru Bachok (Kelantan), kemudian di Pengkalan Petak, di, Teluk kemasik (menunjuk ke arah sebuah lukisan pemandangan jeti) tu, ada *boat* [perahu moden]. ini gambar daripada sana, saya bawa balik, lukis dekat sinilah. Saya lukis di rumah. Dua-dua ni lukis di rumah. Yang tu (menunjuk ke arah lukisan pemandangan bandar) di Penang. Lukis tempat hotel di sana. Tapi yang halus-halus ni, saya buat di rumah lah.

**RA: Apakah maksud tersirat bagi lukisan abstrak [*Tajuk lukisan: Lukisan Tawaf 2*]?**

THMJ: Ni (menunjuk ke arah lukisan) saya guna teknik titik-titik lah. Saya guna juga teknik renjisan menggunakan berus dan lidi lah. Ini *review* (ulasan) dari pandangan atas lah. Empat segi tu ialah Ka'abah. yang titik-titik banyak ni seperti orang yang pernah tawaf Ka'abah. Nampak macam tak faham kan, sebab nampak *view* (pemandangan). Jadi lukisan ni berbentuk abstrak lah.

**NAH: Berapa lamakah Tuan Haji mengambil masa untuk siapkan lukisan-lukisan sebegini?**

THMJ: Paling lama, 2 minggu lah. Tak lama.

**RA: Lukisan paling lama yang Tuan Haji siapkan, biasanya berapa hari?**

THMJ: Lukisan, biasanya hampir sebulan lah, biasanya *watercolour* [lukisan cat air] yang saya buat tu, sebulan lah. Tak lama pun.

**RA: Apakah motto hidup Tuan Haji?**

THMJ: Motto hidup saya?, kira matlamat lah. Kalau matlamat hidup saya, kena dua-dua lah. Dunia dan akhirat (ketawa). Sekurang-kurangnya untuk mengingatkan saya lah, hasil dunia ni, sekurang-kurangnya kena beringat juga hasil akhirat tu.

**RA:** **Bagaimana reaksi orang sekeliling apabila mengetahui Tuan Haji menceburi bidang ini?**

THMJ: Untuk masyarakat di kampung ni, saya tidak tonjolkan sangatlah. Sebabnya saya bimbang takut bercanggah dengan agama, sebab masa saya kecil-kecil dulu, saya lukis potrait raja. masa tu budak-budak, duduk *neghak* [meniarap] sambil melukis, kata orang-orang tua (ayah) *"mati esok nati dia mitok nyawa mu tuh"*(esok nanti bila mati, lukisan tu datang minta nyawa) (ketawa) jadi takutlah. Pandangan daripada seorang ayah tu melambangkan pandangan daripada masyarakat. kalau saya pergi masjid, kalau sekarang ni kita dah guna aplikasi *Facebook* untuk muat naik gambar kan. Jadi saya upload gambar-gambar yang diterima masyarakat lah. Contohnya gambar pisang, macam tu. Kalau gambar-gambar figura tu, saya jarang tunjuk. Kalau saya melukis batik tu, saya suka lukis figura-figura lah. sebabnya guna banyak media, kalau acrylic, media batik, saya suka lukis figura. (menunjuk kepada beberapa lukisan batik) tu semua tu lukisan batik, saya lukis figura. Walaupun terdapat larangan orang-orang tua, tak boleh lukis benda hidup, saya masih keras nak melukis. Seperti lukisan Monalisa tu (menunjuk ke arah lukisan bertajuk *Monalisa* di galeri utama) itu saya lukis media batik. figura, saya suka lukis batik. Tapi kalau nak jual batik, kena tengok kepada sejarah dia. Kalau dekat Kuala Lumpur sana, macam sejarah orang tumbuk padi ni, (menunjukkan ke arah lukisan batik berjudul *Tumbuk Padi*) kena laku lah. Ada sejarah, ada figura, saya suka. Kalau potret- potret tu, ada juga yang terjual. Tapi kena lukis gambar-gambar pemimpin.

**RA:** **Siapakah gambar Pemimpin-pemimpin yang Tuan Haji pernah lukis?**

THMJ: Apa tu, Ismail Sabree, Tan Sri Mohd Najib [Dato' Sri Haji Mohammad Najib Tun Haji Abdul Razak] , dan beberapa orang lagi lah. Tapi, bukan Najib [Dato' Sri Haji Mohammad Najib Tun Haji Abdul Razak] yang beli (ketawa). Orang lain lah yang beli.

**NAH:** **Biasanya, berapa harga yang paling tinggi yang pernah Tuan Haji Jual, dan lukisan apa tu?**

THMJ: Hmm, Lukisan Najib lah. Ada orang pernah bayar, tak lah tinggi sangat, tapi kira mahal lah, dalam 10 ribu [RM 10 Ribu Ringgit]. Jadi benda tu merangsang lah untuk meneruskan melukis. Ada orang nak beli, ada orang yang bayar. Bagi pakcik, 10 ribu [RM 10 Ribu Ringgit] tu mahal lah. Itulah rangsangannya untuk terus kekal melukis.

**RA:** **Seperti yang tuan Haji katakan tadi, Tuan Haji ada memuat naik gambar di (aplikasi) *Facebook*, adakah platform lain yang Tuan Haji gunakan untuk memuat naik hasil-hasil lukisan kepada peminat-peminat lukisan Tuan Haji?**

THMJ: (aplikasi) *Facebook* sahaja setakat ni. itu pun tunjuk tidaklah, tidaklah tunjuk saya jual tu. Saya tunjuk hasil seni saya sahaja. Misalnya ini nak jual dengan harga sekian-sekian, itu nak jual, itu nak jual. Tak adalah. Lukisan saya pun banyak yang simpan.

**RA:** **Apakah nama Facebook Tuan Haji?**

THMJ: Muhamad Jusoh [M.U.H.A.M.A.D J.U.S.O.H].

**Bidang Seni**

**NAH:** **Contoh seperti yang kita lihat lukisan di belakang ni (Menunjuk ke arah lukisan Batik berjudul *Tumbuk Padi*), boleh Tuan Haji ceritakan serba-sedikit mengenai apa cerita disebalik lukisan tersebut?**

THMJ: Ada dua perkara lah. Yang pertamanya, saya masih ingatlah, orang tua-tua dulu tumbuk padi (ketawa). Kiranya macam kenangan lah, nostalgia masa kecik-kecik. haa, tu, suka nak lukis. kedua melambangkan sejarahlah. Orang suka nak beli kalau ada unsur-unsur sejarah. yang ketiganya hasil lukisan batik tu, hasil dia berbeza daripada yang lain. contohnya, teknik *cracks* tu, kita boleh tengok yang retak-retak tu, nampak macam jaring-jaring kan, kalau cara lain, tak boleh buat macam tu. Jadi kalau hasil batik ni nampak unik dia. Ejaan *cracks* tu ialah C.R.A.C.K.S [ejaan

huruf]. *cracks* (retakan) tu maksudnya, lilin yang disapu pada kain *cotton* (kapas) tu, dipatahkan, kemudiannya kita masukkan warna tu, tersentuh lah dengan kain di celahan rekahan tu. kalau kita sapukan lilin lepas tu letak warna di atasnya, warnanya tu tak masuklah di kain tu kalau tak buat *cracks* (retakan) sebab ada lilin. Itulah yang saya suka menggunakan media batik ni.

**NAH: Dalam banyak-banyak lukisan yang Tuan Haji hasilkan, apakah lukisan yang Tuan Haji paling suka lukis?**

THMJ: Media ke? Media dia dulu, saya suka mula dengan cat minyak sebenarnya, jadi lukisan pertama yang saya lukis guna media tu, berharga 20 ringgit [RM20 Ringgit], guna media cat minyak lah. Bagi saya, cat minyak ni penghasilannya kalau kita nak buat abstrak ke, kita nak buat *real* (realistik) ke macam saya lukis lukisan pisang tu kan, boleh. Tapi kalau kita nak buat batik, tak bolehlah buat lukisan pisang tu. dia boleh buat *outline* (garisan luar) je, tak bolehlah buat bulat macam lukisan pisang tu. maknanya dari segi soalan tu, saya suka media *oil* (minyak). Tapi media tu saya sekarang nak mula guna balik ni, sebab saya lama dah tinggal. Mula-mula guna dulu ialah tahun '85 [ tahun 1985], gitu lah, mula saya gunakan dulu. Kemudian saya tinggal, kerana - tertarik dengan rakan pelukis lain yang guna cat air. Saya buat lukisan cat air ni (menunjukkan ke arah sebuah lukisan pemandangan) Masjid ni, saya guna media cat air. yang sebelah ni (menunjukkan ke arah lukisan lain) lukisan ni kita panggil '*Line and wash*' . Kita gunakan pen, dan kita satukan *colour* (Warna). Jadi, pakcik rasa nak balik kepada guna media *oil* (minyak) barulah dapat rasa kepuasan, kalau nak buat *real* (yang betul) pun boleh, nak buat abstrak pun boleh. Yang ni (menunjukkan ke arah sebuah lukisan) *acrylic*. *Acrylic* pun boleh jugak, cepat jugak boleh buat. Difahamkan *acrylic* ni belum boleh capai hasil media *oil* (minyak) seolah-olah macam *oil* (cat minyak) tu telah terbukti kualiti dia tu, macam lukisan Monalisa, yang guna media cat minyak tu lagi tahan. Kalau *acrylic* tu kita tak tahu sejauh mana ketahanan dia. Tapi kalau dari segi kilauan cahaya, memang terang. Kalau cat *oil* (minyak) tu tak terang sangat lah.

**NAH: Adakah Medium itu dikenali sebagai teknik lukisan juga?**

THMJ: Medium tu berbeza.

**NAH:** **Oh, berbeza. Apakah teknik yang selalu Tuan Haji gunakan?**

THMJ: Teknik renjisan. Yang ini (menunjukkan ke arah sebuah lukisan) '*Pointillism'*. '*Pointillism'* ni macam err, lebih kepada menggunakan *point-point* (titik-titik) lah. kita boleh jadi simbol kepada apa yang kita nak buat lah. Kalau macam lukisan ni, melambangkan sebagai planet lah, sebahagian daripada planet. Titik-titik ni menghasilkan sebuah imej jugaklah. Teknik seterusnya, ialah teknik sapu. Kalau yang pen tu kita panggil *scumbling* [S.C.U.M.B.L.I.N.G]. teknik tu, boleh guna teknik oil pun boleh guna. maksudnya lagi laju lah siapnya.

**NAH:** **Dalam banyak-banyak teknik yang disebut tadi, teknik manakah yang paling Tuan Haji suka, dan kenapa?**

THMJ: Haa, teknik *Scumbling* ni, sebab lukisan tu kita letak warna menikam lah kita *stroke* (titip) warna tu. Sebab berus tu, yang tajam tu boleh sampai pada tempat yang kita nak sapu tu dengan senang. Kita tikam warna tu masuk ke dalam kanvas lukisan yang berlubang-lubang tu, jadi warnanya masuk. Kalau kita sapu tu, jadi warnanya tak jatuh semua, tak sampai pada lubang-lubang kanvas tu. Tapi biasanya teknik ni, saya gabung lah, tak guna satu teknik saja. Biasanya kita campur lah untuk dapatkan hasil lukisan yang memuaskan. kalau yang ni, itulah hasil dia (ketawa) tak boleh nak buat teknik lain. jadi kita kena *cover* (untuk menutupi semua) untuk dapat hasil yang kita nak.

**NAH:** **Bagaimana Tuan Haji mendapat inspirasi dalam menghasilkan karya lukisan Tuan Haji?**

THMJ: Inspirasi ni, saya (berdehem), kadang-kadang kita kena tengok apa yang kita lihat lah. Kalau saya, saya suka tengok pokok-pokok mati lah, di tepi- tepi jalan tu. Saya tangkap gambar pokok-pokok tu sebagai ilham lah untuk menghasilkan lukisan-lukisan. saya suka tangkap gambar sekeliling. Kalau kita dekat kampung ni lainlah, tak sama macam dekat bandar-bandar yang seperti '*hutan batu'*. Apa ni, *Townscape* (Pemandangan bandar) lah. Kalau saya di sini biasa dengan *Landscape* (Pemandangan semulajadi). Kita tengok bunga *Bourgenvilla* (bunga kertas) yang bunga kertas tu kan, ilham tu lah yang ada, sebagai rangsangan.

**NAH:** **Apakah lukisan pertama yang Tuan Haji lukis?**

THMJ: Masa tu, bunga gantung tu, apa orang kata, tengah *famous* (terkenal). Orang tanam bunga tu, pasu yang tergantung tu. Biasanya orang tanam *orkid* (sejenis bunga) ke, atau pokok yang ditanam di pasu yang tergantung. Haa, saya lukis pokok tu. Waktu tu, saya tengah kerja tu, masa tu dah kerja. Saya dah join Persatuan Seni Lukis Kelantan tu, saya lukis. Lepas itu jiran saya tanya, "jual dengan harga berapa", masa tu dalam tahun 80-an.

**NAH:** **Adakah Tuan Haji mempunyai lukisan kegemaran di antara semua lukisan yang Tuan Haji pernah hasilkan?**

THMJ: Kalau saya terpaksa pilih, lukisan nelayan pun suka, lukisan bunga kertas pun suka. Sebab bunga kertas tu, kalau kita nak jual, senang sikit. Banyak yang saya buat, -terjual lah. Haa, yang tu biasanya di pamer di hotel, biasanya terjuallah. Ada satu lukisan yang dipamer di hotel, lukisan bunga kertas. Bukannya saya tak suka bunga lain. Saya tengok dah banyak dah orang buat lukis bunga-bunga lain. Contohnya macam bunga Orkid, bunga Ros, kan. Saya nak mencari bunga lain yang jarang orang buat. Sebabnya mudah lah sikit sebab orang lain tak buat, tapi saya buat. Lepas tu, dari segi pasaran, hasil kerja saya, orang tengok kelainan, jadi nak buat duit boleh, nak jual boleh. Sebab saya buat kerja ni salah-satunya untuk mendapatkan pendapatan sampingan. Bagi saya senanglah, nak jual pun laku. Haa, kalau tengok yang ni (menunjukkan ke arah sebuah lukisan) yang ni senang, kalau yang ni (menunjuk ke arah lukisan yang lain) yang ni susah, sebabnya orang tak faham. Mereka terpaksa bertanya, dan saya terpaksa bercerita untuk kefahaman. Kalau yang tu (menunjuk ke arah sebuah lukisan yang lain) yang tu kosong tu. Siapalah yang nak beli, siapalah yang nak faham. Jadi kita kena fahamkan maksud lukisan yang kita nak jual tu, kenapa dilukis macam tu.

RA: **Kalau dari segi pandangan saya, sebagai seorang yang bukan pelukis. Saya tak faham maknanya disebalik lukisan tu. Jadi apakah makna di sebaliknya, atau macam mana?**

THMJ: Jadi itulah orang kata lukisan abstrak yang macam ini hanya difahami oleh pelukisnya sahaja. Sebab, - dimananya cerita tu (ketawa). Lukisan tu tak ada sejarah, bukan. tajuk yang saya berikan pada lukisan tu ialah *'Simfoni Semalam'* lagu lah. *'Simfoni'* ni guna dalam lagu-lagu. Jadi maknanya, kalau kita tengok dari segi interpretasi lukisan tu, ialah perkara yang telah berlaku. Bagaimana saya nak mengatakan bahawa perkara tu telah berlaku? Jadi, dari segi tona warna, kitab oleh buat warna cerah, kita boleh buat warna gelap. jadi kalau warna cerah tu, saya boleh katakan itu warna ke depan (masa hadapan), esok. Kalau warnanya gelap, saya boleh ceritakan perkara semalam. Haa, kalau titik-titik yang saya gunakan ada titik besar ada titik kecil. - - ianya seperti berirama. *"Sepertilah"* (ketawa). Kalau kita tengok orang buat *note lagu* kan, ada tinggi rendah kan. Yang ini kita tengok ada besar ada kecil.Jadilah berirama. ada penggunaan warna cerah dan gelap yang bersamaan. Sebab itu saya kata. pelukis je tahu maknanya (ketawa).

RA: **Pada pandangan Tuan Haji, lukisan mana yang Tuan Haji rasa paling bernilai?**

THMJ: Lukisan yang ada pada saya sekarang ni, yang paling bernilai ialah lukisan Monalisa lah. Monalisa tu sebenarnya dibuat menggunakan cat minyak. Monalisa yang saya buat ni, dibuat daripada batik. Jadi saya jangka, lukisan Monalisa batik tak ada lagi. Kemungkinan dalam sejarah Malaysia ke, sejarah dunia ke, lukisan Monalisa batik belum adalah. Jadi cuba cari lah, dia yang pertama. Jadi bernilai pada saya tu dari segi karya media batik tu, ni lah yang pertama. Bukan kita kira dari segi harga, tapi dari segi kreativiti tu, - - belum ada yang buat lah. Itu yang paling bernilai.

**NAH:** **Lukisan tu (merujuk kepada lukisan Monalisa batik) Pernah masuk mana-mana pameran ke?**

THMJ: (senyum) Kalau saya isytihar, inilah lukisan Monalisa batik pertama, saya rasa pecah rumah ni (Ketawa). Takut orang *mari curi pulok* (datang mencuri pula). Itulah yang dikata bernilai tu, takut orang *mari curi* (datang curi). Haa, Kalau orang tahu ni, *memang nusuk dalei rumoh* (memang sembunyi di dalam rumah).

**RA:** **Adakah lukisan yang berimpak positif atau nilai sentimental terhadap diri Tuan Haji?**

THMJ: Impak positif? Kalau saya kata planet ni (menunjuk pada lukisan) ada kesan positif, *dia* (lukisan) ada kesan negatif jugak ni. Jadi, ini planet. (menunjuk). Kalau kita lihat daripada sains kan, dua planet ni berkemungkinan akan berlaga. Maknanya kita juga kena berhati-hati dari segi keagamaanlah. Dimana, bila-bila masa planet-planet ni akan berlaga. Haa, itulah satu impak, dimana ia boleh beri impak positif atau impak negatif. Kalau kita kata, negatif tu, kita bimbang juga lah. dikata nak taubat, tak mahu buat kerja pula kan (ketawa). Jadi indikasi lukisan ini lebih kepada keagamaan lah. Di Sini ialah dua planet. jadi lukisan ni menampakkan yang dua planet ni akan datang, dekat. Tidak mustahil bahawa planet-planet ni akan berlaga. dari segi keagamaan, melambangkan kiamat. Jadi kita sentiasa beringatlah, supaya sentiasa ingat pada akhirat dan beribadah sentiasa.

**RA:** **Setakat penghasilan lukisan seni yang dihasilkan oleh Tuan Haji, berapa banyakkah yang telah terjual?**

THMJ: Jualannya ada, tapi tidak banyaklah berbanding dengan karya yang telah dihasilkan. Dari segi bilangan tu saya tak dapat nak tunjuklah sebab tak ingat. Tapi setahu saya tak banyak. Yang ada di sini ratus-ratus, tapi yang terjual tu, puluh-puluh saja.

RA: ***Erm.*. Jadi ada lagi soalan ni. Soalan untuk lukisan, *err* bagaimanakah sesuatu lukisan itu dinilai untuk menentukan harga lukisan tersebut. Daripada segi apa ia dinilai sebelum Tuan Haji menjual lukisan itu kepada pelanggan?**

THMJ *Err* yang pertamanya, ia kita kena tengok pada jualan kita yang pertama ke yang terbaik, tengok sebagai ukuran kitalah. *Tapi* (tetapi) kalau saya banding dengan *20 ringgit* (RM20) yang saya jual dulu tak bernilai lah masa dah berkembang kan. *20 ringgit* (RM 20), *30 ringgit* (RM30), sekarang tak bernilai la. Kena banding la. Sekarang ni mungkin *40 ringgit* (RM40) dah kot. - - - Suatu masa, *err* yang keduanya kita tengok pada jualan-jualan kita yang telah lalu, yang dah lama, kita tengok. Jadi kalaulah *err* yang ketiganya kita kena banding dengan jualan yang dah lalu. Kita jual, kita jual mahal, kita sekarang ni nak jual murah. Jadi apa perasaan orang yang beli dengan harga mahal. *Aa* dia akan kata, "*orr* dulu aku *err* beli - - - *5000 ringgit* (RM 5000), yang jual dekat dia ni dengan harga sama lebih kurang *2000 ringgit* (RM2000)". *Haa* kena jaga satu. Itu adalah salah satu cara kita nak mengukur lukisan kita. *Err lepas tu* (selepas itu) yang keduanya, *err* kalau boleh kita tetapkan dia punya saiz. Katakanlah *erm* karya saya yang pernah dijual. *Err* satu A4 tu, katakanlah 200 ringgit (RM200) - - - boleh *decide* berapa kali A4.

RA ***Erm*, jadi tambah pertambahan hargalah daripada harga A4 tu?**

THMJ Dari segi saiz. - - - *Lepas tu* (selepas itu) *err* lukisan kita tu, *err* setahun dua tahun kita jual dengan harga *200 ringgit* (RM 200), kita dah banyak tahun (sudah lama) kan, kita nak angkat (naikkan) sikit harga. *Lepas tu* (selepas itu) *err* dari segi *frame* pula, kos *frame* tu terlibat juga. Kita kena ada - - - lainlah. Kalau kita beli frame *200 ringgit* (RM 200), kita kena jual *400 ringgit* (RM 400). Sebabnya mungkin ia akan *diframe* tapi takkan (tidak akan) dijual - - - modal je. Jadi dengan saya masih lagi saya - - - Tapi (tetapi) ada juga macam adakan kata yang macam kita boleh - - - *err* masa yang kita ambil untuk buat kerja tu (itu), kerumitan lukisan itu tersendiri tapi nilai *image* yang kita buat macam perdana menteri takkan kita nak jual *20 ringgit* (RM 20) juga *kot* (rasanya)- - -

RA **Jadi kalau daripada sudut kamilah yang bukan pelukis ni, kalau Tuan Haji boleh berikan sedikit info kepada kami, bagaimana cara untuk membezakan lukisan yang berkualiti dan lukisan yang tak berkualiti?**

THMJ Kita tengok orang yang lukis *abstrak* tu (itu), die letak calar-calar macam tu je kan? Tapi *media* yang diguna tu banyak. Ada yang tebal ada yang nipis. Jadi, payah (susah) kita nak tafsirkan. Jadi bila kita tengok lukisan tu, kita kena tengok sapa (siapa) yang melukis. Mungkin dia belajar secara formal, maknanya cara yang betul belajar. Macam saya ni *self taught* (belajar sendiri), yang tu (itu) *degree* yang tu pun kena tengok juga. Mungkin dia dapat pengalaman semasa belajar secara *proper.* Saya ni tidak belajar, belajar dari rakan-rakan, dari pengalaman. Lepas tu (selepas itu) kita tengok objek dan subjek yang dia lukislah. Kalau dia lukis pisang, jadi ke pisang? Kalau jadi (menjadi) lukisan tu kira berkualiti la tu kan. - - - Kalau nak lukis kain, - - - kalau boleh, kain yang kita lukis tu, biar nampak macam kain, kita boleh timbang berat kain tu (itu). Kalau kita lukis kain nipis mesti kain tu ringan. Kalau kita lukis nampak tebal, berat, bukan maknanya guna kain selimut (ketawa), nampak kita boleh bezakan dari segi rupa subjek atau objek yang kita lukis tu. Itu kualiti ikut pengalaman sayalah.

RA **Jadi untuk soalan seterusnya apa aspek penting yang Tuan Haji titikberatkan dalam setiap karya-karya lukisan tuan haji sendiri? Macam untuk bagi tahan lama.**

THMJ *Err* kalau nak suruh (bagi) tahan lama, kalau kita guna cat minyak, kita kena guna kanvas yang berkualiti la. Kalau kita guna mahal - - - biasanya kalau mahal tu berkualiti la kan.. *Material* (bahan) yang nipis tak tahan lama la. Lepas tu (selepas itu), kalau cat air, dari segi kertas pun kita kena cari kertas yang berkualiti lah. Katakanlah lukisan kita cantik tapi kita buat atas kertas yang kurang berkualiti jadi tak sesuai lah. Sebab itulah kita kena guna *material* (bahan) *colour* (warna) yang tidaklah yang kata mahal tapi tidak yang terlalu murah untuk budak sekolah. Kalau *colour* (warna) budak sekolah rendah tu rasanya kurang berkualiti lah macam bidang profesional. Dia kalau lukis menggunakan *colour* (warna) yang baik, warna yang kita bancuh dengan warna yang kita sapu di atas kertas, dia kalau warna tidak baik, kalau kita bancuh elok dah warna yang kita nak ni, sapu kat (dekat) kertas

jadi pudar. Kalau gunakan colour (warna) yang baik, kita bancuh tu kita nak warna ni, kita sapu dekat kertas tu masih lagi warna yang sama. Jadi kita buat kerja pun tak kecewa (ketawa), hasil pun okey.

RA **Faham. Jadi soalan yang terakhir dari saya dululah. *Err* setakat ni apa perkara yang Tuan Haji lakukan sebelum Tuan Haji lukis sebuah lukisan? Macam *preparation* (persediaan), *first* (pertama) penyediaan dia.**

THMJ Jadi yang sepatutnya kita kena sediakan lakaran, yang keduanya *material* (bahan). Lepas tu (selepas itu) *err* dari segi aspek keselamatan la. Seperti batik, dia kena - - - sebagai langkah keselamatan kita kena ambik..

RA **Contoh-contohnya?**

THMJ Err kita kena pakai *glove* (sarung tangan getah), asap lilin, bahan-bahan kimia yang masuk kita kena pakai *mask* (pelitup muka). Jadi kebanyakan yang kita tengok sewenang-wenangnya memanglah tak ada (tidak ada) apa-apa yang berlaku, tapi sebenarnya kena berhati-hati. Lepas tu (selepas itu) bahan celup tu (batik) pun kalau kena tangan dia jadi gatal. Cat minyak pun dia tahan bahan-bahan warna tu kita kena berhati-hatilah. Bau daripada minyak juga kena pakai *mask* (pelitup muka). *Acrylic* sendiri pun kalau kena dekat tangan gatal.

RA ***Oh* gatal? Jadi kena pakai *glove* (sarung tangan getah) jugalah?**

THMJ Kena pakai *glove* (sarung tangan getah). Ataupun kita jangan bagi kena tangan. Kalau kena tangan terus kena basuh. Mungkin orang lain *takpe* (tidak apa), tapi kalau saya sendiri tak boleh.

NAH ***Erm* apa lukisan yang Tuan Haji rasa paling mencabar yang pernah Tuan lukis?**

THMJ *Watercolour* (cat air)

**RA** **Kenapa susah ye?**

THMJ *Err* kerana kaedah dia lain sikit, berbeza sebab untuk dapat cerah, untuk dapat cahaya cerah maksudnya katakanlah bahagian yang kena cahaya, terang. Terang ni maknanya kita kena tinggal kertas tu nipis, disapu satu warna. Kalau gelap kita campur warna. Dimana kita kena jaga. Kalau buat *oil* (minyak) atau *acrylic* lain pula. Dia bermula dari gelap lagi. Daripada cerah tinggal putih. Dia terbalik. *Lepas tu* (selepas itu) *watercolour* (cat air) susah, bagi saya sama juga.

**NAH** ***Erm* sepanjang penglibatan Tuan Haji dalam bidang seni ini, berapa banyak Tuan Haji ingat lukisan yang Tuan Haji hasilkan?**

THMJ 400 ke 500 begitulah. Tapi termasuk besar kecillah. Yang ada dalam buku ke, dalam *sketchbook* (buku lakaran) ke. Kalau yang dah frame tu, dalam stor tu dekat 150 juga.

**NAH** ***Erm,* bagaimana Tuan Haji menjaga lukisan-lukisan yang lama ni daripada rosak? Adakah ada cara untuk penjagaan lukisan tu?**

THMJ Saya pun simpan dalam stor sahaja. Saya sediakan rak juga lah. Tapi kalau cat minyak ni, sebab saya baru mula balikkan, dia kena campur *garnish,* tapi 6 bulan baru sapu *garnish.* Tak boleh sapu masa basah-basah. Kalau yang *oil* (minyak) tu, minyak yang ada dekat situ tu, kita akan nampak tak berapa basahkan? tapi dia akan betul-betul kering selepas 6 bulan lah. *Standardnya* (biasanya) 6 bulan baru kita sapu dengan *garnish* dibimbangi ada minyak yang belum kering. Lepas tu (selepas itu) yang lain tu, saya simpan daripada muka lukisan ke muka lukisan, belakang ke belakang. Tu kita bimbang yang bahagian belakang ni ada kasar akan tersentuh dengan frame.

**NAH** **Berapakah jumlah lukisan yang dipamerkan di galeri Tuan Haji sekarang?**

THMJ Sekarang ni ada 30 lebih.

**NAH** **Apa lukisan terbaru yang Tuan Haji dah hasilkan dan apakah maksud disebalik lukisan tersebut?**

**RA** **Macam kalau kita tengok dekat luar tadi, saya ada nampak yang pokok pisang. Yang itu yang paling barulah?**

THMJ Yang terbarulah tu. Buah pisang setandan. Tidak ada memberi apa-apa maksud, dia benda nyata. Kebetulan saya pergi ke suatu tempat saya tengok ada pisang setandan, saya rasa nak lukis pisang. Saya ambil gambarlah. _ _ _ _ _

## 5.7 PENGLIBATAN DALAM BIDANG SENI

**NAH** **Soalan seterusnya, kita nak tanya lebih dalam lagi tentang Tuan Haji punya pengalamanlah dalam bidang seni ni. Apakah kenangan atau pengalaman manis yang Tuan Haji dapat sepanjang penglibatan dalam bidang seni lukisan ni ataupun dalam persatuan?**

THMJ Jadi apabila kita berpersatuan (terlibat dalam persatuan) kita dapat kawan. Jadi kalau nak kira pengalaman pahit tak adalah. Maknanya kita boleh buat pameran di KL (Kuala Lumpur), di Penang, _ _ Jadi maknanya yang baiknya ialah kita dapat kawan walaupun dah bersara kan, kawan masih ada. Dalam bidang kerja kawan-kawan ada juga, di *reunion* sekolah pun ada, tetapi _ _ sebab menghasilkan karya bersama, buat pameran bersama.

**NAH** **Adakah terdapat pengalaman yang Encik rasa paling mencabar yang pernah Encik lalui sepanjang Tuan Haji berkarya?**

THMJ Saya berkarya ni pun, berdasarkan kepada aktiviti yang dirancang persatuanlah. Saya sebagai pembimbing kepada persatuan _ _ _ masalahnya untuk dapat setiausaha, kita kena cari sendiri (ketawa) _ _ _ Kalau kita lantik setiausaha tu, kadang-kadang tak ada siapa yang memenuhi kriteria yang kita nak, yang dapat melaksanakan tugas-tugas dalam persatuan.

NAH **Adakah Tuan Haji mempunyai idola yang memberi inspirasi kepada Tuan Haji untuk menghasilkan sesuatu lukisan itu?**

THMJ Kalau dalam bidang *watercolour* (cat air), Tuan Haji Mukhtar Ishak. Dia lukis *watercolour* (cat air). Dia lukis pemandangan di sekeliling laut, pantai. Jadi saya suka tengok *colour* (warna) dia. *Watercolour* (cat air) ni dia lembut, jadi lukis pemandangan, pokok kelapa, rumah-rumah, gitu (begitu) je. Jadi saya singgah di rumah dia, di Kota Bharu, setiap hari minggu, kami pergi ke pantai, saya pergi dengan sebuah motosikal, kereta ada, saya kata, lukisan ni saya nak bayar dengan hasil jual lukisanlah. Sebab saya tengok dia melukis boleh dijual. Jadi itu memberi semangat untuk sayalah untuk meneruskan dalam bidang ni. Yang lain ni, batik daripada Yusuf Abdullah. Dia sebagai guru dan idola kepada sayalah. Guru batik saya. *Acrylic* daripada Yusuf Abdullah juga.

NAH **Ok, *erm,* seterusnya, boleh Tuan Haji cerita macam mana Tuan Haji boleh terlibat dalam persatuan yang Tuan Haji masuk?**

THMJ Yang pertamanya, minat saya untuk melukis memang dah ada dalam (diri) sayalah. Kebetulan saya tinggal di Kota Bharu, dan saya meronda di Kota Bharu, ada satu kedai jual lukisan, Galeri 12. Saya masuk kat situ dan bercakap dengan Tuan Haji Yusuf tu lah (itu lah). Dialah pemilik galeri tu. Saya nak belajar lukisanlah dengan dia. Lepas tu (selepas itu) [bunyi hon] dia pun jemput jadi ahli persatuan dan situlah mulanya persatuan tu. Adalah semangat dalam diri, mula pergi cari, jumpa, *join* (sertai) persatuan, jadi setiausaha (ketawa) _ _ _ _ _

RA **Jadi, Tuan Haji ada bagitahu tadi Tuan Haji adalah mantan YDP kepada persatuan PESENI Kelantan. Jadi berapa lama tempoh Tuan Haji menjadi YDP dalam persatuan tersebut?**

THMJ 1970an lah. Saya mengundur diri bagi laluan kepada orang lain jadi YDP. Walau bagaimanapun, oleh kerana sebelum pada tu Ismail Kadir merupakan timbalan kepada sayalah. Lepas tu (selepas itu), walaupun saya letak jawatan sebagai ahli jawatan dalam persatuan tu, tapi saya masih lagi *join* (sertai) sebagai ajk biasa sebabnya mereka masih perlukan sayalah. Jadi niat saya untuk membantu Encik Ismail kalau boleh. Saya fikir takpelah (tidak mengapa) kerana saya masih lagi - -

- diorang (mereka) tak mahu bagi saya keluar lagi la. Tapi saya taknak jadi YDP lah. Saya masih lagi nak berpersatuan dan masih lagi sayang _ _ _

NAH **Ok, *erm*.. Tuan Haji pernah ada cakap Tuan Haji ada menyertai pelbagai pameran, pernah pergi *mall* (pusat beli belah), pergi tempat untuk pameran seni kan, apa perasaan Tuan Haji bila dapat membuat pameran bersama lukisan yang dilukis?**

THMJ Satunya, sukalah sebab kita dapat mempamerkan lukisan kita dengan rakan-rakan yang lainlah. Ada lukisan yang terjual, _ _ _

RA **Tuan Haji bagitahu Tuan Haji pernah buat pameran kan? Jadi pameran tu Tuan Haji masih ingat ke suatu tempat lah dimana Tuan Haji pamerkan Tuan Haji punya lukisan?**

THMJ Kalau tempat di Kota Bharu ni, Balai Seni Lukis Kelantan. Kalau Balai Seni Lukis Kelantan tu terjejas, ada tempat-tempat lain yang kita pergi seperti Gelanggang Seni, pusat penerangan pelancongan, itu je lah. Tapi kalau di Kuala Lumpur, buat di CTR Galeri, di Penang lupa nama, di Pahang, Terengganu tak dak (tidak ada), di Perlis ada satu. Kalau dulu saya ada buat _ _ _ pastu (selepas itu) [berdehem] yang titik ke titik tu. Yang satu lagi sebelum pada ni, ialah mengenai pemandangan di Kelantan. Di Balai Seni Lukis Kelantan.

NAH **Dalam banyak-banyak pameran yang Tuan Haji pergi tu ada tak cabaran yang Tuan Haji lalui sepanjang pameran tu?**

THMJ Sewaktu pameran tak ada masalah saya (ketawa) berjalan dengan lancar. Tapi yang [berdehem] di Kuala Lumpur tu memang selalu cabarannya ialah pengakutanlah. Kita nak bawa karya-karya kat sana. Kita pula bertanggungjawab untuk memberikan karya-karya yang tidak terjual tu dibawa balik sampai kepada ahli. Itulah cabaran-cabarannya. Tapi alhamdulillah la semua berjalan dengan baiklah. Susah juga takut hilang. Kita kena jaga tu, ni harta orang ni, kita bawa pergi sana, jadi kita kena bawa balik semula.

**NAH** **Selain daripada pameran, adakah Tuan Haji pernah sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni atau penceramah dalam pendidikan seni, ataupun menjadi juri dalam acara kesenian samada dalam atau luar negara?**

THMJ Tak ada terlibat dengan sebarang pengadil. Kalau ada pun pengadilan kecil-kecil sahaja lah melibatkan budak-budak sekolah. Di sekolah dijemput untuk memberi tunjuk ajar juga lah, buat bengkel untuk pelajar-pelajar. Lepas tu (selepas itu) di luar negara atau di luar Kelantan tak ada.

**NAH** **Boleh ke kalau Tuan Haji ceritakan apa aktiviti terkini yang Tuan Haji sedang sertai ataupun yang bakal sertai?**

THMJ Yang [berdehem] bakal lah. 15 Februari ni kita nak pergi ke Jeram Mengaji tapi itu *group* (kumpulan) cat air dalam *WhatsApp* bukan persatuan. Yang persatuan ni sekarang ni YDP esok nak bertolak pergi buat umrah jadi tangguh dulu lah. Dia akan adakan bengkel, ada aktiviti *outdoor* (luar) ada juga lah seperti biasa. Kita kena saling membuat kerja lah, tahulah aktiviti PESENI. Kemudian esok, saya nak pergi melukis di Kota Bharu dengan satu kumpulan lain, Kota Bharu *Sketch Walk,* kami janji nak buat setiap hari hari Khamis lah. Pukul 8 pagi sampai pukul 11(pagi), kita akan pergi duduk ramai-ramai, esoknya yang ini kita akan buat di kawasan Masjid Muhammadi, kita akan *sketch* (lakar) apa yang kita rasa sesuai dekat situ, dan cadangnya esok akan ada *meeting* (mesyuarat) dengan diorang (mereka) dengan pelukis-pelukis _ _ _ Kemudian kita bercadang nak adakan pameran lukisan yang dipanggil *affordable* (mampu milik) *Khat.* Kalau lukisan jual mahal-mahal sangat sampai 2000 (RM 2000) kan? Yang ni kita kira bawah daripada 500 ringgit (RM500). Kita bercadang kita nak lukis, simpan, kita akan pamerkan sama ada tempat tadilah ataupun di mana-mana galeri di Kota Bharu lah. Setakat ni baru dalam perancangan, dan pagi esok kita akan buat perbincangan secara putuslah dengan artis-artis _ _ di negeri Kelantan adalah beberapa orang.

**NAH** **Macam mana Tuan Haji mampu untuk sampai ke tahap sekarang, mampu untuk menjual koleksi yang agak banyak dan mendapat sambutan yang agak tinggi?**

THMJ Jadi, harini tanda saya masih bersemangatlah _ _ _*(kurang jelas)* masih lagi nak berkaryalah, dan [berdehem] contoh saya bagi satulah, program yang esok ni, saya ada _ _ usahawan Cina tu, saya ada cakap sebab dia biasa duduk melukis di Kota Bharu tu, secara bersantai sahaja nak menghabiskan masa - - macam program esok, dia _ _ secara bersantai saja, _ _ nak jumpa kawan, - - Jadi, saya cakap dengan dia untuk join melukis *sketch* (lakaran), dia cakap yang dia buat hanya untuk jumpa kawan dan balik. Jadi saya bagi cadangan dekat dia, lebih baik kita pergi melukis dan ada *target* (sasaran) untuk buat pameran. Bukan setakat jumpa kawan sahaja, tapi kita boleh menghasilkan karya dan kita boleh pamer dan kita boleh jual. Maknanya kita ada *target* (sasaran). *Target* (sasaran) yang kita buat itu adalah kaedah untuk mengekalkan untuk terus membuat kerja. Lepas tu (selepas itu) saya ada bercadang lukisan saya yang *sketch* (lakaran) tu, saya nak buat buku, buat dalam katalog, mungkin buku tu kita boleh jual. _ _ _ dalam masa yang sama, karya tu pun boleh dijual juga. _ _ _ *(kurang jelas)* Sasaran-sasaran itu adalah rangsangan kepada kita untuk terus berkarya.

**NAH** **Pada pendapat Tuan Haji, apa persiapan paling penting yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu nak menceburi bidang seni?**

THMJ Macam biasalah daripada minat, kalau ada minat apa-apa pun boleh buat. Tapi kalau ada minat tu, belajarlah. Kalau boleh belajar secara formal, lebih baiklah. Tapi kalau tak ada pendidikan formal, belajar dengan rakan-rakan. Kalau kawan saya tu, ada yang guru, pensyarah, jadi maksudnya kita dapat ilmu lah daripada mereka tu. _ _ _ tapi kena belajarlah, semangat untuk belajar kena ada. Sebab sesuatu perkara tu ada teknik dia sendiri. Kalau tak biasa, nak guna *acrylic* macam mana, nak guna batik macam mana, _ _ _ Sekarang ni dalam (aplikasi) *YouTube* pun ada kan? _ _ _ Saya sendiri pun, kalau duduk saja-saja, tengok macam mana melukis _ _ _ ada macam-macam teknik.

**NAH** **Kalau dari segi ciri-ciri? Apa ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang tu kalau nak jadi seorang pelukis?**

THMJ Pertama sekali dia kena ada minat. Kalau tak ada minat nak belajar pun tak mahu. Itu salah satu ciri yang penting ialah minat dalam bidang ini. Misalan (misalnya) kalaulah hidup sebagai seorang yang tak ada kerja, kalau nak melukis sebagai mata pencarian tak sesuai sebab tak ada minat tadi.

**NAH** **Apakah bentuk latihan yang sesuai dengan mereka yang nak berkecimpung dalam bidang seni ni?**

THMJ Salah satunya kena pergi secara formal la kan, yang tidak formal ni kena rapat dengan pelukis-pelukis yang ada, ikut serta dengan mereka atau *join* (sertai) persatuan dan nyatakan hasrat dialah ingin belajar melukis. Lepas tu (selepas itu) dia pilih la bidang yang dia suka, media lah maknanya cat air ke, batik ke, *oil* (minyak) ke. Kalau cadangan saya mereka tidak berguru dengan semua media. Pilihlah media yang mereka rasa sesuai dengan diri. - - - Kalau banyak sangat pun nanti susahlah orang nak kenal kita. Maksud saya begini, kalau kita pelukis cat air, sebaik-baiknya kita teruskan kepada cat air supaya orang kenal. Jadi maknanya, menggunakan satu karya satu kaedah, itu lebih menyenangkan orang untuk mengenal kita. Contohnya ada kawan-kawan tu, di Pahang, dia pelukis periuk kera, dia buat banyak-banyak. Jadi kalau orang nak pelukis periuk kera, cari dialah. Ataupun kalau macam saya, bunga kertas. Kalau nak cari pelukis bunga kertas cari sayalah. Tapi saya ni macam-macam, saya buat abstrak macam-macam (ketawa)

## 5.8 Sumbangan dan anugerah

**RA** **Jadi saya akan teruskan untuk sumbangan dan anugerah, kalau daripada segi pencapaian Tuan Haji sendiri, Tuan Haji ada ke menerima anugerah di mana-mana tempat?**

THMJ Saya ada juga terima anugerah dari kerajaan negeri lah. Satu sebagai pemimpin budaya, sebab saya banyak dalam persatuan kan, yang satu lagi sebagai Penghargaan karyawan Kelantan.

**RA** **Tuan Haji ingat ke tahun berapa Tuan Haji menerima anugerah tersebut?**

THMJ Penghargaan karyawan Kelantan ni pada tahun 2013. Penghargaan budaya tu pun tahun 2013.

**RA** **Jadi ada ke anugerah baru yang Tuan Haji terima?**

THMJ Tak ada..

**RA** **Apakah perasaan Tuan Haji sendiri apabila menerima anugerah tu?**

THMJ Satunya kita rasa dihargai lah [berdehem] Yang keduanya, contohnya lah, penghargaan karyawan ni maknanya kita kena terus berkarya lah [ketawa] Salah satu daripada dorongan ni lah. Yang kepimpinan tu saya rasa munasabahlah (mustahil) sebabnya mula daripada tahun 2004 saya *join* (sertai) terus orang tugas dekat kita supaya bertanggungjawab pada persatuan sehinggalah saya akhir tahun 2013, saya turun daripada jadi YDP [Yang Di-Pertua]. Dalam tempoh masa yang panjang. Jadi maknanya pengorbanan saya kepada persatuan tu sebagai pemimpin sebagai penghargaan terima kasih (ketawa)

**RA** **Jadi kalau dari segi pencapaian lah, pencapaian apa yang Tuan Haji ingin kecapi?**

THMJ Dari segi anugerah tak mengharap apa-apa dah sebab saya pun dah tua. Cuma harap nak *Datuk* [pangkat] (ketawa). Harapan saya saya cuma harap untuk terus berseni.

## 5.9 Harapan

**RA:** **Apakah nasihat Tuan Haji kepada masyarakat supaya menghargai seni lukisan ini?**

THMJ: Sebagaimana yang saya cakap awal-awal tadi, masyarakat kita kurang menghargai seni lukis ni. Macam yang ayah saya cakap tadi tu, *"lukis gambar orang, mati esok nati* (nanti) *dia mitok* (minta) *nyawa".* Dari segi tu, masyarakat ni kurang pendedahan. Jadi, lukisan ni biasanya lebih terkenal dengan lukisan *Khat* (lukisan

keagamaan). Jadi, saya ni cuma nak pesan, jangan buat benda-benda lucah sudah lah. *Haa,* gambar-gambar telanjang semua tu, tak sesuai dengan agama kita lah. Mungkinlah bangsa lain menghargai. Tapi kalau dalam keagamaan ni, kita kena elakkan kepada perkara-perkara yang tidak selari dengan kesopanan. Macam tu lah. Supaya, kerja seni ini diterima lah, dialu-alukan oleh masyarakat. Sebabnya bukan datang daripada *sunnah nabi* pun. Kalau *sunnah nabi,* semua orang *pakat* (bersepakat) nak buat lah.Melukis pun dari segi konteks agama tu, kurang lah penggalakan. Jadi kita kena buat sesuatu yang baik, yang diterima oleh masyarakat.

**RA:** **Apakah pandangan Tuan Haji mengenai bidang seni lukisan yang diceburi ini, adakah patut dikekalkan sehingga ke generasi seterusnya?**

THMJ: Boleh di kekalkanlah, media- media ni yang adanya, media baru tak ada lagi. Boleh dikekalkan lah, sebabnya ini boleh mendatangkan pendapatan lah. kalau banyak karya famous-famous tu, dia takkan cari orang lainlah, masyarakat Malaysia sendiri pun, ada karya (yang dihasilkan oleh pelukis) cina yang dihasilkan oleh Chang Fee Ming tu, orang Terengganu lah tu. Lukisan dia, puluh-puluh ribu satu lukisan. Jadi boleh menjana pendapatan. Ianya satu perkara yang baik-lah.

**RA:** **Pada pandangan Tuan Haji sebagai tokoh seni lukisan, mengapa pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini?**

THMJ: Salah satunya adalah sumber pendapatan, yang keduanya, ianya juga boleh memberi aset kepada negara. Mungkin nanti bila semua dah tak ada, orang akan cari balik lukisan gambaran tertentu tu. *Haa,* sebagai aset negara lah. Benda tak terjual, tapi benda tu ada. Tu merupakan aset negara lah. Walaupun sekarang ni orang tak - - - *(kurang jelas)* Yang keduanya, mungkin boleh jadi aset kepada generasi muda lah. Kemudian, rakaman. Lukisan adalah sebagai rakaman. Sebagai rekod. Ada yang suka lukis pemandangan atau bangunan-bangunan lama, itu sebagai rakaman. Cabaran tu, sekarang ni, digital. - - - *(kurang jelas)* Tapi dengan cara tradisional ni sebagai aset lah.

**RA:** **Apakah perancangan Tuan Haji pada masa hadapan dalam bidang ini?**

THMJ: Pasal usia saya dah banyak, saya tak berharap banyak lah. Jadi saya berharap saya masih lagi bersama dengan Persatuan [Persatuan Seni Lukis Kelantan] lah, menjalankan aktiviti melukis. Jadi disini, di galeri kecil saya ni, saya akan buka kepada pelajar-pelajar, buka kepada orang awam yang boleh sedikit sebanyak saya ajar cara-cara membuat batik kepada pelajar-pelajar lah. Jadi saya pun pernah dipanggil oleh pihak Kolej Mara lah, untuk mengajar membuat batik ni. Itulah salah satu perancangan saya. Mengajar untuk membuat seni lukis ni, dan membuka galeri saya untuk lawatan kepada pelajar-pelajar .

**RA:** **Jadi kita sudah sampai pada soalan terakhir, Apakah Harapan Tuan Haji untuk generasi muda lebih menceburi bidang ini?**

THMJ: Bagi generasi baru, dia kena sesuaikan diri mereka dengan teknologi yang baru. Tapi kalau nak belajar kaedah tradisional ni, boleh belajar, sebab yang saya tahu, cara jualannya pun mudah. Nasihat saya, jangan tinggal teknologi. itu sajalah.

Alhamdulillah, dengan ini tamatlah sesi temu bual kita mengenai pengalaman, latar belakang, dan sumbangan Tuan Haji Muhamad jusoh sepanjang penglibatannya di dalam industri seni lukis Kelantan. Kami berdua mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Muhamad Jusoh atas kesudian, kerjasama yang Tuan Haji berikan, serta nasihat dalam menyempurnakan wawancara ini, walaupun Tuan Haji mempunyai kekangan masa serta kedatangan kami yang secara tiba-tiba ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lakonan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# 6.0 LOG WAWANCARA

## LOG WAWANCARA

| Masa | Subjek | Nama, Tempat, Rujukan |
|---|---|---|
| 00.01-<br>04.01 | Tokoh menceritakan perihal latar belakang peribadi beliau | - Nama penuh, Nama Panggilan, Tarikh Lahir, Status, Berapa orang anak<br>- Hobi: main bola, melukis<br>- Cita-cita: tidak spesifik<br>- |
| 04.10 -<br>06.29 | Latar Belakang Keluarga | - Nama ibu, Nama Bapa, Tempat Tinggal<br>- Berasal dari Pasir mas Kelantan<br>- Pekerjaan ibu bapa adalah sebagai petani<br>- Bilangan adik beradik : empat orang<br>- Adik-beradik yang meminati seni |
| 06.32 -<br>09.31 | Latar belakang Pasangan dan keluarga | - Berkahwin di umur 22 tahun<br>- Nama isteri, usia dan kerjaya<br>- Berapa orang anak, nama anak dan usia<br>- Kerjaya anak-anak |
| 09.33 -<br>11.42 | Tokoh menceritakan perihal pembahagian masa beliau bersama keluarga | - Tempat-tempat melukis adalah di tepi pantai, di air terjun<br>- keluar pada hujung minggu |
| 11.54 -<br>15.30 | Tokoh menceritakan perihal persekolahan beliau | - Memulakan persekolahan pada tahun 1959<br>- Mendapat pangkat 2 dalam SPM<br>- memulakan latihan pembantu perubatan |

| | | |
|---|---|---|
| | | - adakan pameran dan aktiviti dalam PESENI<br>- dapatkan maklumat daripada senior-senior yang mahir dalam seni lukis |
| 15.38 - 19.06 | Tokoh menceritakan perihal beliau yang berkhidmat sebagai Pembantu Perubatan | - Memulakan latihan pada tahun 1971<br>- buat lukisan berkaitan tugas di Pejabat Kesihatan<br>- Pencen pada tahun 2010 |
| 19.10 - 20.38 | Tokoh menceritakan mengapa beliau meminati bidang seni lukis | - Merupakan salah satu cabang untuk mencari sumber pendapatan<br>- hobi yang mendalam |
| 20.40 - 22.25 | Tokoh menceritakan mengenai motivasi beliau untuk masuk ke dunia seni ini | - mempunyai rasa untuk menjual lukisan dengan harga mahal<br>- matlamatnya yang tetap |
| 22.26 - 23.34 | Pekerjaan lain tokoh | - Menjadi Ahli Jawatankuasa Masjid<br>- Mengajar Al-quran kepada orang-orang tua secara sukarela |
| 23.36 - 26.11 | Tokoh memberitahu mengenai pendorong beliau untuk meneruskan minatnya | - semangat daripada rakan-rakan<br>- mengajak ke pelbagai tempat untuk melukis<br>- Anjurkan idea kepada kawan-kawan mengajak untuk pergi melukis |
| 26.12 - 27.35 | Tokoh menceritakan mengenai teknik yang beliau gunakan untuk | - teknik renjisan menggunakan lidi dan berus |

| | | |
|---|---|---|
| | menghasilkan lukisan | - suka membuat lukisan abstrak<br>- Lukisan berjudul *"Tawaf 2"*<br>- Durasi lukisan selama dua minggu, paling lama sebulan |
| 27.40 - 27.55 | Tokoh memberitahu media yang beliau gunakan | - Media titik |
| 27.56 - 28.35 | Tokoh menceritakan mengenai motto hidup beliau | - harus merangkumi kedua-dua ; dunia dan akhirat |
| 28.37 - 31.01 | Tokoh menceritakan mengenai persepsi masyarakat terhadap kerjayanya | - Persepsi ayahnya yang mengatakan tidak elok untuk melukis potret manusia<br>- Menganggap persepsi bapanya adalah melambangkan persepsi masyarakat<br>- Jarang melukis figura kecuali menggunakan media batik<br>- berkongsi lukisannya di Aplikasi Facebook |
| 31.02 - 31.32 | Tokoh pernah melukis gambar-gambar pemimpin negara | - Ismail sabree<br>- Dato' Sri Mohammad Najib Bin Tun Abdul Razak |
| 31.33 - 32.15 | Tokoh menceritakan lukisan paling mahal terjual | - Lukisan potret pemimpin<br>- RM 10 ribu ringgit |
| 32.16 - 33.32 | Tokoh menceritakan platform yang beliau gunakan untuk berkongsi karyanya kepada masyarakat | - Aplikasi Facebook<br>- Hanya berkongsi hasil lukisan, bukan sebagai Platform untuk menjual |
| 33.33 - 36.27 | tokoh menceritakan mengenai cerita disebalik lukisan-lukisan | - Mengenai nostalgia atau kenangan masa kecil |

| | | |
|---|---|---|
| | beliau | - melambangkan sejarah<br>- menggunakan media yang berbeza-beza<br>- Menggunakan teknik *Cracks* pada lukisan batik<br>- menggunakan lilin untuk membuat teknik tersebut |
| 36.30 - 39.35 | Tokoh menceritakan media kegemaran yang digunakan | - Media cat minyak<br>- keistimewaan cat minyak kepada hasil lukisan<br>- tertarik kepada media cat air akibat pengaruh rakan-rakan yang menggunakan media tersebut<br>- Media Acrylic adalah hasil yang baru |
| 39.36 - 43.02 | Tokoh menceritakan teknik yang beliau sering gunakan dalam lukisan-lukisan beliau | - teknik pointillism<br>- teknik sapu<br>- teknik scumbling menggunakan acrylic<br>- Pen menggunakan teknik scumbling<br>- menyukai hasil daripada teknik scumbling |
| 43.03 - 44. 25 | Tokoh menceritakan perihal inspirasi untuk melukis | - suka melihat pokok-pokok mati<br>- mengambil gambar sebagai ilham kepada lukisannya<br>- gambar Landskap<br>- suka melihat bunga kertas |
| 44.31 - 45.25 | Tokoh menceritakan mengenai lukisan kegemarannya iaitu lukisan | - Inspirasi daripada pokok gantung |

| | | |
|---|---|---|
| | bunga Bourgenvilla | |
| 45.26 - 47.57 | Tokoh memberitahu lukisan kegemaran beliau dan sebab mengapa | - Lukisan nelayan, lukisan bunga kertas<br>- mudah untuk dijual kerana unik |
| 47.58 - 49.57 | Tokoh menceritakan maksud lukisan yang dihasilkannya | - Tajuk lukisan ialah Simfoni Semalam<br>- interpretasi tajuk menggambarkan perihal semalam yang telah berlaku<br>- dari segi tona warna cerah dan gelap |
| 49.58 - 51.54 | Tokoh menceritakan lukisan beliau yang paling bernilai | - Lukisan Monalisa<br>- Lukisan yang dibuat adalah versi batik<br>- mempercayai bahawa ianya merupakan lukisan pertama yang menggunakan media tersebut<br>- dirasakan paling bernilai |
| 51.55 - 52.10 | Tokoh berjenaka mengenai lukisan Monalisa | - Mengandaikan bahawa jika beliau mengisytiharkan lukisan tersebut, rumahnya bakal diserbu oleh wartawan-wartawan serta artisan-artisan yang meminati karya tersebut |
| 52.18 - 55.30 | Tokoh menceritakan lukisannya yang berimpak positif kepada masyarakat | - Mempunyai dua sisi iaitu sisi positif dan sisi negatif<br>- memberikan contoh berdasarkan lukisan yang beliau lukis berjudul "Planet"<br>- sentiasa beringat kepada akhirat |

| | | |
|---|---|---|
| 55:31-<br>58:54 | Tokoh menceritakan bagaimana lukisan dinilai untuk ditentukan harga. | - Lihat kepada jualan yang pertama.<br>- Darabkan saiz lukisan dengan kertas A4.<br>- Menilai 'nilai image' terhadap satu lukisan tersebut. |
| 58:55-<br>1:01:47 | Tokoh menceritakan tentang bagaimana untuk membezakan lukisan yang berkualiti dan tidak berkualiti. | - Bergantung kepada siapa yang melukis.<br>- Melihat kepada subjek atau objek yang dilukis menjadi atau tidak. |
| 1:01:55-<br>1:03:52 | Tokoh menceritakan aspek penting yang dititikberatkan dalam karya lukisan beliau. | - Menggunakan kanvas dan kertas yang berkualiti.<br>- Menggunakan bahan yang berkualiti. |
| 1:03:54-<br>1:06:09 | Tokoh menceritakan perkara yang beliau lakukan sebelum beliau melukis sebuah lukisan. | - Menyediakan lakaran.<br>- Menyediakan bahan lukisan.<br>- Menjaga keselamatan dalam mengendalikan bahan-bahan yang digunakan. |
| 1:06:12-<br>1:08:04 | Tokoh menceritakan pengalaman melukis lukisan yang paling mencabar. | - Melukis menggunakan watercolour.<br>- Menggunakan kaedah yang agak berbeza. |
| 1:08:07-<br>1:09:06 | Tokoh menceritakan bilangan yang beliau telah lukis sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni. | - Telah menghasilkan lukisan sebanyak 400 hingga 500 lukisan termasuk dengan lukisan yang besar, kecil, dalam sketchbook dan dalam buku. |
| 1:09:08- | Tokoh memberitahu cara penjagaan | - Menyimpan lukisan tersebut di |

| | | |
|---|---|---|
| 1:11:03 | lukisan terutamanya yang lama daripada rosak. | rak dalam stor.<br>- Menyapu lukisan dengan Garnish selepas 6 bulan.<br>- Menyimpan muka lukisan ke muka lukisan dan belakang lukisan ke belakang lukisan. |
| 1:11:05-1:11:23 | Tokoh memberitahu jumlah lukisan yang dipamerkan di galeri beliau. | - Terdapat 30 lebih lukisan yang dipamerkan di galeri beliau. |
| 1:11:25-1:12:57 | Tokoh menceritakan tentang lukisan terbaru yang di lukis oleh beliau. | - Lukisan buah pisang setandan.<br>- Lukisan nyata yang tidak memberi sebarang maksud. |
| 1:13:11-1:14:51 | Tokoh menceritakan pengalaman manis yang beliau lalui sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni. | - Dapat mengenali ramai kawan dalam persatuan.<br>- Dapat membuat karya dan pameran bersama-sama. |
| 1:14:52-1:16:03 | Tokoh menceritakan pengalaman yang paling mencabar yang beliau lalui sepanjang beliau berkarya. | - Masalah dalam mencari setiausaha dalam persatuan. |
| 1:16:04-1:18:15 | Tokoh menceritakan tentang idola yang memberi inspirasi kepada beliau bagi menghasilkan sesuatu lukisan. | - Bagi media watercolour, Tuan Haji Mukhtar Ishak.<br>- Dalam bidang batik, Yusuf Abdullah.<br>- Yusuf Abdullah merupakan guru batik beliau. |
| 1:18:30-1:19:55 | Tokoh menceritakan bagaimana beliau terlibat dalam persatuan yang sertai. | - Sertai kerana minat dengan seni lukis.<br>- Sertai persatuan PESENI melalui Tuan Haji Yusuf Abdullah. |
| 1:19:56- | Tokoh memberitahu tempoh beliau | - Mengundur diri daripada |

| | | |
|---|---|---|
| 1:21:34 | memegang jawatan YDP dalam persatuan yang beliau sertai. | memegang jawatan YDP pada tahun 1970 an.<br>- Masih aktif dalam persatuan sebagai ahli biasa. |
| 1:21:36-1:22:23 | Tokoh menceritakan perasaan beliau menyertai pameran yang beliau sertai. | - Beliau merasa suka dapat melakukan pameran bersama rakan-rakan dan ada lukisan yang terjual. |
| 1:22:25-1:24:20 | Tokoh menceritakan tempat yang beliau pergi untuk membuat pameran. | - Jika di Kota Bharu, di Balai Seni Lukis Kelantan, Gelanggang Seni, pusat dan penerangan pelancongan.<br>- Jika di Kuala Lumpur, buat di CTR Galeri.<br>- Pernah membuat pameran di Penang, Pahang dan Perlis. |
| 1:24:22-1:25:26 | Tokoh menceritakan tentang cabaran yang dihadapi sepanjang pameran yang beliau sertai. | - Cabaran yang dihadapi ialah pengangkutan untuk membawa lukisan orang lain. |
| 1:25:31-1:26:53 | Tokoh menceritakan tentang pengalaman mengendalikan bengkel atau menjadi penceramah dan juri. | - Tidak pernah menjadi juri yang besar kecuali yang kecil-kecil melibatkan budak-budak sekolah.<br>- Pernah memberi tunjuk ajar dan buat bengkel untuk pelajar-pelajar. |
| 1:26:56-1:30:40 | Tokoh menceritakan aktiviti terkini yang beliau bakal sertai. | - Pada 15 Februari beliau akan pergi ke Jeram Mengaji bersama rakan dari group cat air dalam WhatsApp bukan dari persatuan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | - Pada keesokan harinya beliau akan pergi melukis di Masjid Muhammadi, Kota Bharu dengan satu kumpulan lain iaitu Kota Bharu Sketch Walk untuk sketch apa yang sesuai. |
| 1:30:42-1:34;28 | Tokoh menceritakan tentang bagaimana beliau mampu untuk mengekalkan kejayaan beliau dan masih berkarya sehingga kini. | - Mempunyai sasaran untuk kekal melukis, menjual dan membuat pameran sebagai cara untuk kekal berjaya.<br>- Bercadang untuk membuat buku bagi semua lukisan untuk dijual. |
| 1:34:31-1:36:21 | Tokoh memberi cadangan tentang perkara paling penting yang perlu seseorang itu lakukan sebelum menceburi bidang seni. | - Perlu mempunyai minat.<br>- Perlu belajar secara formal untuk menggunakan teknik melukis. |
| 1:36:23-1:39:38 | Tokoh berkongsi ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang itu untuk menjadi pelukis. | - Perlu ada minat. |
| 1;39:44-1:43:15 | Tokoh memberitahu bentuk latihan yang sesuai dengan mereka yang mahu berkecimpung dalam bidang seni. | - Perlu belajar secara formal.<br>- Boleh kenal rapat dengan pelukis-pelukis terkenal dan belajar melukis dengan mereka.<br>- Menyertai persatuan dalam bidang seni.<br>- Senang jika fokus kepada satu teknik sahaja. |
| 1:43:34-1:45:03 | Tokoh memberitahu tentang sumbangan dan anugerah yang lepas dan terbaru beliau terima. | - Menerima anugerah dari kerajaan negeri iaitu pemimpin budaya dan penghargaan |

| | | |
|---|---|---|
| | | karyawan Kelantan.<br>- Penghargaan karyawan Kelantan pada tahun 2013.<br>- Penghargaan budaya tahun pada 2013.<br>- Tiada anugerah terbaru. |
| 1:45:05-<br>1:46:30 | Tokoh memberitahu perasaan beliau menerima anugerah tersebut. | - Rasa dihargai.<br>- Menjadi dorongan untuk terus berkarya. |
| 1:46:33-<br>1:47:17 | Tokoh menyatakan pencapaian yang beliau ingin kecapi. | - Tidak mengharapkan apa-apa.<br>- Berharap untuk terus berseni. |
| 1:47:19-<br>1:49:27 | Tokoh menasihati masyarakat supaya menghargai seni lukisan. | - Jangan jadikan lukisan sebagai benda lucah.<br>- Buat sesuatu perkara baik yang berkaitan dengan lukisan yang boleh diterima masyarakat. |
| 1:49:29-<br>1:53:06 | Tokoh memberi pendapat mengenai bidang seni patut dikekalkan dan mengapa penting untuk dikekalkan sehingga generasi seterusnya. | - Boleh dikekalkan untuk mendatangkan pendapatan.<br>- Boleh memberi aset kepada negara.<br>- Menjadi aset kepada generasi muda. |
| 1:53:08-<br>1:54:55 | Tokoh memberitahu tentang perancangan beliau di masa hadapan. | - Berharap supaya masih bersama dengan persatuan PESENI dan masih dapat melukis.<br>- Bakal membuka galeri kepada pelajar-pelajar dan orang awam untuk lawatan serta mengajar cara-cara membuat batik. |

| | | |
|---|---|---|
| 1:55:00-1:55:37 | Tokoh memberitahu harapan beliau kepada generasi muda supaya lebih menceburi bidang seni. | - Generasi baru perlu menyesuaikan diri dengan teknologi baru.<br>- Jangan meninggalkan teknologi baru walau mahu belajar kaedah tradisional. |

# 7.0 RALAT

## 7.0 RALAT

Temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh telah dijalankan bersama Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh yang merupakan seorang tokoh pelukis veteran seni lukis rupa dan seni halus yang terkenal di Kelantan. Sesi temubual ini dijalankan secara bersemuka pada tarikh 2 Februari 2022 pada jam 12.54 tengahari di Kampung Kelar, Pasir Mas, Kelantan. Kami bersyukur kerana sesi temu bual berjalan dengan lancar. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang sesi temubual ini berlangsung, Antara gangguan yang terdapat dalam sesi temubual ini berlangsung adalah seperti yang berikut:

- Gangguan bunyi hon kenderaan
- Gangguan azan Zohor (tidak begitu jelas berkumandang)
- Gangguan telefon mati semasa merekod

Walaupun ketika sesi temubual ini berlangsung terdapat beberapa gangguan, temubual ini berjalan baik dan lancar secara keseluruhannya. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat iaitu Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh atas komited kerjasama dan ilmu yang diberikan sepanjang sesi temubual ini berlangsung.

# 8.0 GLOSARI

## 8.0 GLOSARI

| | |
|---|---|
| Abstrak | Ringkasan kepada artikel, suatu bentuk yang tidak jelas, berterabur |
| Acrylic | Polimer sintetik yang diperoleh daripada metil metakrilat |
| Aktiviti | Sesuatu kegiatan yang dijalankan dalam kegiatan seharian |
| Akhirat | Merupakan hari manusia akan diadili dan diberikan pembalasan yang sewajarnya dengan perbuatan semasa hidup dalam agama islam |
| Al-quran | Sebuah kitab suci yang paling mulia dalam ajaran islam yang diturunkan sebagai wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W daripada ALlah S.W.T melalui pengantaraan malaikat Jibril |
| Anugerah | Pemberian berupa hadiah dan sebagainya yang tinggi dan besar nilainya |
| Aset | Harta yang dimiliki dalam sesebuah perniagaan atau dalam harta kerajaan |
| Bapak | Nama lain bagi seorang ayah,bapa |
| Berguru | Orang yang mengajarkan ilmu kepada orang lain |
| Berkecimpung | Menceburkan diri dalam sesuatu pergerakan |
| Berdehem | Membuat bunyi batuk kecil yang tertahan-tahan |
| Bidang | Merupakan dasar dalam jawatan tertentu |
| Cat Minyak | Merupakan sejenis cat yang lambat kering |
| Ceburi | Melibatkan diri sesuatu perkara |
| Cracks | Keretakan pada permukaan |
| Degree | Ijazah Sarjana Muda |
| Figura | Sosok atau perkara yang abstrak, gambar |
| Halus | sesuatu yang sangat kecil dan teliti |

| | |
|---|---|
| Hospital | Rumah sakit |
| Ilham | Sesuatu yang menggerakkan hati untuk mencipta sesuatu |
| Inspirasi | Suatu hasil atau idea |
| Iqra' | satu buku yang mengajarkan asas-asas huruf-huruf arab sebelum membaca Al-quran |
| Jururawat | Pembantu Perubatan wanita |
| Ka'abah | Kiblat bagi Umat Islam yang terletak di Masjidil Haram, Mekkah |
| Kanvas | Sejenis kain tenunan kosong tahan lama yang digunakan untuk melukis |
| Karyawan | Penghasil sesuatu kerja |
| Kerjaya | Kerja dalam pelbagai bidang |
| Kilauan | Cahaya lampu yang terang |
| Kolej | Sebuah institusi pendidikan |
| Lakar | masih dikerjakan, belum siap lagi |
| Lucah | Hina, keji, tidak senonoh, tidak sopan |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| Media | Saluran komunikasi atau pengantara |
| Mengaji | Membaca Al-quran, belajar |
| Motivasi | Keinginan dan kekuatan dalam diri seseorang untuk mencapai sesuatu yang diinginkan |
| Motto | Tujuan umum sesuatu kelompok sosial atau pertubuhan |
| Periuk Kera | Sejenis tumbuhan yang tumbuh di kawasan yang lembap dan dingin |
| Perubatan | Sains dan amalan berkaitan diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit |
| Persatuan | Sebuah tempat bagi artisan atau saudagar yang mengawal amalan kemahiran mereka di sebuah bandar tertentu |

| | |
|---|---|
| Pesawah | Orang yang kerja bersawah |
| Pointillism | Titik-titik kecil warna tulen yang kecil digunakan dalam corak untuk membentuk imej |
| Profesor Madya | Pangkat paling tinggi selepas pangkat profesor |
| Potret | Lukisan, foto, patung, atau gambar seni seseorang, wajah atau ekspresi dalam suatu lukisan |
| Rangsangan | Istilah yang digunakan dalam psikologi untuk menggambarkan sesuatu yang merangsang tindak balas tertentu |
| Realistik | bersifat atau menunjukkan keadaan yang sebenarnya |
| Renjisan | bahan yang dipercikkan menjadi titisan air |
| Seibu | hukum bagi adik-beradik kandung |
| Sejarah | Kajian yang sistematik dan dokumentasi aktiviti manusia |
| Setiausaha | Orang yang diambil bekerja untuk mengurus urusan surat-menyurat |
| Self-taught | belajar sesuatu perkara dengan sendiri tanpa guru yang menunjuk ajar |
| Teknik | Pengetahuan berkaitan dengan pembuatan sesuatu hasil |
| Tonjolkan | Menyerlahkan diri dalam bakat atau bidang tertentu agar dikenali |
| Universiti | Institusi atau pusat pengajian tinggi yang memberi ilmu dalam pelbagai bidang |
| Umrah | dari segi bahasa ialah ziarah Baitullah di Makkah dan melakukan niat, tawaf, saie, bertahalul dengan mengikut tertib |

# 9.0 INDEKS

## 9.0 Indeks


### A

abstrak........20, 34, 37, 39, 42, 50, 57, 70
Alamat........11, 12, 14, 26
aplikasi........35, 36, 49

### B

batik. 15, 31, 35, 36, 37, 40, 43, 46, 49, 50, 53, 58, 60, 62, 65
beli........32, 35, 36, 39, 41, 42, 47
bertugas........31
bola........26, 31, 55, 77

### C

Cikgu........23, 24, 29
cita-cita........27, 32, 82

### D

daripada 3, 5, 20, 22, 26, 27, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 40, 42, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 51, 52, 56, 57, 59, 61, 62, 69, 82, 85

### E

empat........26, 28, 56

### H

Haji ..... 3, 4, 5, 7, 14, 15, 17, 18, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 62, 67, 80
Hulu........28

### I

Ibu........27

### J

Jumaat........29
Jururawat........28, 32, 70

### K

kahwin........28
Kampung........11, 12, 14, 26, 27, 67
Kampung Kelar........14, 26, 27, 67
Kelantan . 3, 4, 7, 14, 15, 17, 18, 26, 28, 33, 34, 39, 46, 47, 48, 50, 51, 52, 53, 56, 63, 64, 67
ketiga........21, 29

### L

lukisan 3, 15, 20, 21, 22, 23, 26, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 51, 52, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 71, 77, 83, 84, 85, 86, 87

### M

masa.... 5, 22, 28, 29, 30, 31, 34, 35, 36, 39, 40, 41, 42, 44, 49, 51, 52, 53, 56, 58, 65, 82, 84, 87
*media oil*........26, 37
melukis ..... 3, 15, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 28, 29, 31, 33, 35, 42, 46, 48, 49, 50, 53, 55, 56, 57, 58, 59, 61, 63, 64, 65, 70, 84, 85
Monalisa........35, 37, 40, 60

### P

pemandangan........22, 27, 30, 34, 37, 46, 47, 52
pembantu perubatan........30, 56
pendapatan........32, 33, 39, 52, 57, 65
pendidikan........21, 31, 48, 49, 71
Petani........27
pisang........26, 35, 37, 42, 45, 62
Profesor Madya........29, 71

### S

sekolah........22, 30, 43, 45, 48, 63, 83
Seremban........31
sungai........30

### T

tempat...... 21, 27, 29, 33, 34, 38, 45, 47, 48, 50, 56, 57, 63, 71, 84, 85
tumbuk........35, 36

### U

umur........26, 28, 29, 30, 56, 82

### Z

Zainab........27

# 10.0 BIBLIOGRAFI

## 10.0 BIBLIOGRAFI


A. (2020, May 10). Memijak seni lukis. Malaysiakini. https://m.malaysiakini.com/columns/502836

Hitman, H. (n.d.). *Definisi Lukisan.* http://myartstyle.blogspot.com/2011/12/definisi-lukisan.html#:~:text=Lukisan%20adalah%20lanjutan%20daripada%20kegiatan,%2C%20arca%2C%20kolaj%20dan%20montaj.

J. (n.d.). Perkembangan Seni Lukis Melayu di Malaysia. https://mond0k.blogspot.com/2011/03/perkembangan-seni-lukis-melayu-di.html?m=

Kazz, K. (n.d.). Pentingnya Senilukis Di Terengganu. https://kizzkazz65.blogspot.com/2012/06/penting-senilukis-di-terengganu.html?m=1

LUKISAN. (n.d.). http://senivisual1.blogspot.com/2009/10/lukisan.html

N. (2022, December 12). Pengertian Seni Lukis: Fungsi, Tujuan, Teknik, Dan Temanya. Gramedia Literasi. https://www.gramedia.com/literasi/seni-lukis-pengertian/

Sawari, M. (n.d.). Persatuan Pelukis Malaysia. https://wareyzseni.blogspot.com/2011/01/persatuan-pelukis-malaysia.html?m=1

SENI BUDAYA | PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH. (n.d.). https://pkkssaas.upm.edu.my/seni_budaya-3133

Wikimedia projects. (2022, June 13). *Seni lukis.* Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. https://ms.wikipedia.org/wiki/Seni_lukis

Yuda, A. (2021, July 15). *Pengertian Seni Lukis, Jenis, Teknik, dan Tujuannya yang Perlu Dipahami.* bola.com. https://www.bola.com/ragam/read/4607477/pengertian-seni-lukis-jenis-teknik-dan-tujuannya-yang-perlu-dipahami

# 11.0 LAMPIRAN

## 11.1 DIARI KAJIAN

| TARIKH | MASA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 10/10/2022 | 2.00 p.m - 4.00 p.m | - Pengenalan kepada Oral Documentation<br>- Perbincangan mengenai senarai tugasan projek |
| 15/110/2022 | 2.00 p.m - 4.00p.m | - Perbincangan berkumpulan mengenai tokoh |
| 17/10/2022 | 2.00 p.m - 4.00 p.m | - Perbincangan mengenai senarai tugasan projek<br>- perbincangan mengenai Artis Veteran<br>- Mencari pasangan untuk tugasan |
| 19/10/2022 - 30/10/2022 | 12 hari | - Pencarian dan penetapan Artis veteran untuk kajian Transkrip |
| 20/10/2022 | 1 hari | - Pencarian informasi dan kajian mengenai artis pilihan |
| 31/10/2023 - 10/11/2022 | 11 hari | - Penyediaan Abstrak |
| 1/12/2022 - 15/12/2022 | 15 hari | - Penyediaan 100 soalan untuk temubual Artis Veteran |
| 24/1/2023 | 1 hari | - Hari Penghantaran |

| | | |
|---|---|---|
| | | Abstrak |
| 26/1/2023 | 1 hari | - Sesi konsultasi bersama penasihat projek mengenai transkrip |
| 1/2/2023 | 1 hari | - Sesi Temubual Artis Veteran Pilihan (Bersama Tuan Haji Muhamad Bin Jusoh) |
| 10/2/2023 | 1 hari | - Penghantaran audio,video,diari kajian,artikel projek dan transkrip |
| 14/2/2023 | 1 hari | - Penghantaran Transkrip penuh (softcopy) |
| AKHIR FEBRUARI | 1 hari | - Penghantaran transkrip penuh (hardcopy) |

## 11.2 SURAT PERJANJIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MUHAMAD BIN JUSOH K/P pada ............................ dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik penyelidik.

............................ ............................

(Nama tokoh )
Tarikh:

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

## 11.3 SENARAI SOALAN

a) Latar belakang

1. Latar belakang peribadi

- Boleh ceritakan sedikit latar belakang encik seperti nama penuh encik, nama panggilan, tarikh lahir, status dan sebagainya?
- Apakah nama penuh encik?
- Berapakah usia encik pada tahun ini?
- Bilakah encik dilahirkan?
- Di manakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
- Hobi yang diminati oleh encik selain daripada bidang ini?
- Apakah cita-cita encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?

2. Latar belakang keluarga

- Siapakah nama ibu dan bapa encik?
- Ibubapa encik bekerja sebagai apa?
- Berapakah bilangan adik beradik encik?
- Adakah adik-beradik encik turut terlibat dalam bidang yang sama dengan Encik?

3. Latar belakang pasangan dan anak anak

- Bilakah encik berkeluarga?
- Nama isteri encik?
- Berapakah usia isteri encik
- Kerjaya isteri encik?
- Adakah encik mempunyai anak? Berapakah bilangan anak-anak encik?
- Berapakah umur dan kerjaya anak-anak encik?
- Adakah anak-anak turut meminati bidang yang encik ceburi/minati?
- Bagaimanakah encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

b) Sejarah Pendidikan

1. Sekolah rendah dan menengah

- Tahun bilakah encik memulakan persekolahan rendah?
- Apakah nama sekolah rendah encik?
- Apakah nama sekolah menengah encik?
- Tahun bilakah encik menamatkan zaman persekolahan?
- Boleh ceritakan sedikit mengenai zaman sekolah menengah encik?

2. Peringkat Tinggi

- Di manakah pengajian peringkat tinggi encik?
- Apakah faktor utama yang mendorong encik untuk sambung belajar?
- Apakah kos yang encik ambil?
- Mengapa kos tersebut menjadi pilihan
- Adakah encik aktif melibatkan diri dalam aktiviti di universiti ketika itu?
- Apakah pengalaman manis ketika bergelar sebagai seorang pelajar?
- Cabaran dalam perjalanan pengajian/ pengalaman yang dapat encik dikongsikan?
- Tahun bilakah encik menamatkan pengajian peringkat tinggi encik?

c) Kerjaya

1. Kerjaya awal

- Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian dan adakah ia berkaitan dengan bidang seni lukisan ini?
- Berapa lamakah encik bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?

2. Kerjaya dalam bidang seni

- Mengapakah encik meminati bidang lukisan ini?
- Apakah keistimewaan bidang seni lukisan ini kepada encik?

- Selain kepakaran dalam bidang seni lukisan, apakah kemahiran/ pekerjaan lain yang encik lakukan?
- Bagaimana encik memotivasikan diri untuk meneruskan diri untuk menceburikan diri dalam bidang seni lukisan ini?
- Apakah motto hidup encik?
- Siapakah yang mendorong tuan untuk melibatkan diri dalam bidang seni lukisan ini?
- Bagaimana reaksi orang sekeliling apabila mengetahui encik menceburi bidang ini ?
- Adakah encik mempunyai Facebook, Instagram untuk peminat mengikuti perkembangan encik?

3. Mengenai bidang seni

- Bolehkah encik ceritakan serba sedikit mengenai bidang seni lukisan ini dari sudut pandangan encik.
- Apakah jenis lukisan yang encik gemar hasilkan ?
- Apakah teknik seni lukisan yang encik gunakan dalam penghasilan karya lukisan encik?
- Mengapakah encik gemar menggunakan teknik tersebut berbanding teknik lukisan yang lain?
- Bagaimana encik mendapat inspirasi dalam menghasilkan karya lukisan encik?
- Di manakah tempat yang menjadi pilihan encik untuk melukis?
- Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran diantara semua lukisan yang encik pernah hasilkan?
- Adakah lukisan tersebut mempunyai sejarah semasa penghasilannya?
- Apakah lukisan pertama yang encik hasilkan?
- Apakah lukisan yang dihasilkan oleh encik yang dirasakan paling bernilai?
- Apakah lukisan yang encik hasilkan yang memberi impak positif atau nilai sentimental terhadap diri encik?
- Berapa banyakkah lukisan dapat dijual (dalam masa sebulan atau sehari)?
- Apakah lukisan yang termahal pernah dijual?
- Berapakah harga lukisan tersebut?
- Bagaimanakah sesuatu lukisan dinilai bagi menentukan harga lukisan tersebut?

- Bagaimanakah cara untuk membezakan lukisan yang berkualiti dengan lukisan yang tidak berkualiti?
- Mengapa encik gemar memilih untuk melukis gambar bandar dan tempat menarik di sekitar kelantan dalam karya - karya encik?
- Apakah aspek penting yang encik titik beratkan dalam penghasilan karya-karya lukisan encik?
- Apakah perkara yang akan encik lakukan sebelum melukis sesebuah lukisan?
- Apakah lukisan yang paling mencabar yang pernah encik hasilkan?
- Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ini, berapa banyak lukisan yang telah encik hasilkan?
- Bagaimana encik menjaga lukisan-lukisan yang lama, karya encik daripada rosak?
- Apakah cara untuk menjaga lukisan tersebut?
- Berapakah jumlah lukisan yang dipamerkan di galeri seni encik?
- Apakah lukisan terbaru yang encik hasilkan dan apakah maksud disebalik lukisan tersebut?

4. Penglibatan dalam bidang seni

- Bilakah encik mula bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ini?
- Bagaimanakah encik boleh terlibat dalam bidang seni lukisan ini?
- Berapa lama encik sudah terlibat dalam bidang ini?
- Adakah menceburi bidang seni lukisan ini merupakan cita - cita encik sejak kecil lagi?
- Apakah kenangan/pengalaman manis encik sepanjang penglibatan dalam bidang seni lukisan ini?
- Apakah pengalaman yang paling mencabar yang pernah encik lalui sepanjang penglibatan dalam bidang seni lukisan ini?
- Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi encik dalam menghasilkan sesuatu lukisan?
- Adakah tokoh-tokoh yang pernah encik lukis? (contohnya seperti lukisan wajah penyanyi, atau tokoh-tokoh negara)
- Adakah encik melibatkan diri dalam mana-mana persatuan seni?
- Sejak bilakah encik melibatkan diri dalam persatuan tersebut?

- Bolehkah encik menceritakan bagaimana encik boleh terlibat dengan persatuan tersebut?
- Apakah aktiviti yang sering dijalankan oleh persatuan ini dan seringkah encik terlibat sekali dalam program-program yang dijalankan?
- Adakah keterlibatan encik dalam mana-mana pameran seni?
- Apakah perasaan encik semasa menyertai pameran tersebut.?
- Apakah cabaran yang encik lalui semasa menyertai pameran- pameran tersebut?
- Adakah encik juga pernah dijemput untuk menjadi juri bagi sebarang acara pertandingan yang diadakan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa?
- Selain dari pameran, adakah encik sering dijemput untuk mengendali bengkel seni atau ceramah mengenai bidang seni lukisan ini?
- Dimanakah karya -karya lukisan encik sering dipamerkan?
- Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?
- Bolehkah encik ceritakan aktiviti terkini yang encik sertai ?
- Bagaimana encik bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ini sehingga mampu sampai ke tahap sekarang?
- Pada pendapat encik, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Pada pandangan encik, adakah semua orang boleh menceburi bidang ini?
- Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada diri seseorang itu jika ia ingin menjadi seorang pelukis?
- Apakah bentuk latihan yang sesuai diberikan kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang seni lukisan ini?

5. Sumbangan / Anugerah

- Apakah pencapaian atau anugerah yang encik rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?
- Apakah anugerah terbaru yang encik terima?
- Apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah tersebut?
- Apakah reaksi orang seni dari pasaran luar?
- Melalui hasil karya seni ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat?
- Apakah pencapaian yang ingin encik kecapi?

6. Harapan

- Apakah nasihat encik kepada masyarakat supaya menghargai seni lukisan ini?
- Apakah pandangan encik mengenai bidang seni lukisan yang diceburi ini, adakah patut dikekalkan sehingga ke generasi seterusnya ?
- Pada pandangan encik sebagai tokoh dalam bidang seni lukisan, mengapa pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini?
- Apakah pandangan encik terhadap seni lukisan pada masa hadapan?
- Boleh saya tahu apakah perancangan encik pada masa hadapan dalam bidang ini?
- Apakah harapan encik untuk generasi muda lebih menceburi bidang ini

## 11.4 GAMBAR







